

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN
MEMBANTERAS JENAYAH RASUAH DI KALANGAN
PEGAWAI TENTERA DARAT**

Kertas projek sarjana ini dikemukakan kepada Kolej Perniagaan untuk memenuhi
keperluan bagi memperoleh Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia

Oleh

SUKRI BIN BAKAR

©SUKRI BIN BAKAR

Hak Cipta Terpelihara, 2011



KOLEJ PERNIAGAAN
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

SUKRI BIN BAKAR (808800)

Calon untuk Ijazah Sarjana

(Candidate for the degree of) **MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)**

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk

(has presented his/her project paper of the following title)

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MEMBANTERAS
JENAYAH RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI TENTERA DARAT

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas project
(as it appears on the title page and front cover of the project paper)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : **DR. RAM AL JAFFRI BIN SAAD**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Nama Penyelia : **DR. MAZLAN BIN HARUN**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : **01 NOVEMBER 2011**
(Date)

KEBENARAN MERUJUK

Kertas projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan program Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah Darul Aman. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Kolej Perniagaan UUM. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan bagi sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

DEKAN
KOLEJ PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapat kefahaman tentang tahap kesedaran pegawai Tentera Darat Malaysia terhadap amalan rasuah. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah kempen memerangi rasuah, penguatkuasaan undang-undang, pengetahuan pegawai, sikap pegawai, nilai agama serta moral dan pengaruh personal serta sosial, manakala tahap kesedaran dalam membanteras rasuah adalah pemboleh ubah bersandar. Data-data untuk kajian ini diperolehi daripada responden di kalangan pegawai yang sedang berkhidmat di dalam Tentera Darat Malaysia, berpangkat Leftenan Muda, Leftenan, Kapten dan Mejar. Sejumlah 243 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik yang digunakan telah dibangunkan dari kajian terdahulu dengan menggunakan kaedah *Likert Scale 5* mata di mana skor 1 mata adalah bagi kenyataan “sangat tidak setuju” dan seterusnya sehingga “sangat setuju” bagi skor 5 mata. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk membanteras amalan rasuah. Seterusnya, bagi menguji tahap hubungan antara pemboleh ubah, kaedah analisis regresi berganda telah digunakan dengan menggabungkan semua pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Hasil kajian berdasarkan maklumat responden membuktikan bahawa pemboleh ubah bebas secara gabungan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbandingan antara pemboleh ubah bebas, sikap pegawai dan nilai agama serta moral telah mencatatkan nilai signifikan yang paling tinggi. Akhirnya, pengkaji telah mengemukakan cadangan supaya sikap pegawai dan nilai agama serta moral hendaklah diberikan perhatian serius dalam mewujudkan tahap kesedaran yang lebih tinggi di kalangan pegawai Tentera Darat Malaysia untuk membanteras rasuah.

ABSTRACT

This study aims to attain understanding on the awareness level of Malaysian Army's officers toward corruption practice. The independent variables in this study are anti corruption campaign, law enforcement, officer's knowledge, officer's attitude, religious value and moral, and personal and social influence, while awareness level in combating corruption is the dependent variable. The data for this study was obtained from the respondents among the officers serve in the Malaysian Army, with the rank of Second Lieutenant, Lieutenant, Captain and Major. A total of 243 respondents involved in this study. The questionnaires used were developed from previous studies by using Likert Scale 5 point method which indicates "strongly disagree" for score 1 until "strongly agree" for score 5. The results showed that majority of respondents acquire a high level of awareness to combat the corruption practice. Subsequently, to test the strength of relationship between variables, the multiple regression method was used by combining all independent variables towards dependent variable. The research results based on respondent's information proved that independent variables in the form of combination have significant influence towards dependent variable. However, based on comparison between independent variables, officer's attitude and religious value and moral were recorded to have the highest value of significant level. Finally, researcher has come out with suggestions that officer's attitude and religious value and moral should be given serious attention in creating a more high level of awareness among the Malaysian Army's officers to combat corruption.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah keizininannya maka kajian ini telah dapat disempurnakan sebagai memenuhi keperluan program Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Dr. Ram Al Jaffry bin Saad dari UUM selaku penyelia utama dan juga Dr. Mazlan bin Harun dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku penyelia bersama bagi projek kajian ini di atas bantuan, bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat yang telah diberikan sehingga kajian ini berjaya disiapkan dengan jayanya.

Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. Azizi bin Abu Bakar dan En. Mahyuddin bin Abu Bakar yang telah memberikan pandangan berharga bagi menyempurnakan kertas kajian ini semasa sesi viva pada 18 Oktober 2011 yang lepas.

Sekalung penghargaan dan terima kasih turut diucapkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Tentera Darat Malaysia (TDM), khususnya formasi 4 Divisyen yang telah memberikan kebenaran serta kerjasama penuh kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Penghargaan ini juga ingin saya rakamkan buat semua pegawai di bawah naungan 4 Divisyen yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli keluarga saya atas segala pengorbanan yang telah diberikan khususnya di sepanjang saya mengikuti program Sarjana Sains (Pengurusan) ini. Semoga Allah S.W.T membalas segala pengorbanan yang telah diberikan dengan rahmat kebaikan yang berkekalan, insya-Allah.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
KEBENARAN MERUJUK	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Definisi Rasuah	8
1.3	Akta-Akta Berkaitan Rasuah	12
1.3.1	Suapan	14
1.3.2	Memperdaya Majikan Melalui Pemalsuan Dokumen	15
1.3.3	Menyalahguna Jawatan atau Kedudukan	15
1.3.4	Penalti	15
1.3.5	Kewajipan Melapor	16
1.3.6	Berurusan, Menggunakan, Memegang, Menerima atau Menyembunyikan Suapan	17
1.3.7	Pernyataan Palsu	17
1.4	Pernyataan Masalah	17
1.5	Persoalan Kajian	19
1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Skop Kajian	23
1.9	Kesimpulan	25

BAB 2: ULASAN KARYA

	26
2.1 Pengenalan	26
2.2 Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Rasuah	31
2.3 Teori Berkaitan Jenayah Rasuah	35
2.3.1 Teori Tekanan Struktur Sosial	35
2.3.1.1 Teori Anomie Merton	37
2.3.1.2 Teori Perhubungan Pembeza	39
2.3.2 Teori Peneutralan	41
2.4 Kesedaran Membanteras Rasuah	43
2.5 Kempen Kesedaran	44
2.6 Penguatkuasaan Undang-Undang	46
2.7 Pengetahuan Pegawai	48
2.8 Sikap Pegawai	49
2.9 Nilai Agama dan Moral	50
2.10 Pengaruh Personal dan Sosial	52
2.11 Kesimpulan	

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

	53
3.1 Pengenalan	53
3.2 Kerangka Konseptual	54
3.3 Hipotesis Kajian	55
3.4 Reka Bentuk Kajian	56
3.5 Tempoh Kajian	56
3.6 Pengukuran Angkubah	57
3.7 Pensampelan	59
3.8 Teknik Analisis	60
3.9 Kajian Rintis	61
3.10 Kesimpulan	

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	63
4.2.1	Taburan Berkaitan Umur	63
4.2.2	Taburan Mengikut Bangsa	64
4.2.3	Taburan Mengikut Agama	64
4.2.4	Taburan Taraf Perkahwinan	65
4.2.5	Taburan Berkaitan Tahap Pendidikan	65
4.2.6	Taburan Mengikut Pangkat	66
4.2.7	Taburan Mengikut Tempoh Perkhidmatan	67
4.3	Kebolehpercayaan, Kesahihan dan Andaian-Andaian Multivariat	68
4.4	Tahap Pengaruh Pemboleh Ubah	69
4.5	Tahap Kesedaran	70
4.6	Tahap Hubungan antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	71
4.7	Kesimpulan	72

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	74
5.2	Hasil Kajian	74
5.2.1	Tahap Kesedaran Pegawai	75
5.2.2	Sikap Pegawai	75
5.2.3	Nilai Agama dan Moral Pegawai	76
5.3	Rumusan Kajian	77
5.4	Cadangan	78
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	83
5.6	Kesimpulan	84

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Perkara	Halaman
Jadual 2.1	Bentuk Tingkahlaku Menyimpang dan Hasil pada Setiap Peringkat dalam Perlakuan Jenayah Rasuah	33
Jadual 2.2	Statistik Tangkapan Kesalahan Menyogok Rasuah	42
Jadual 2.3	Statistik Tangkapan Penjawat Awam Atas Kesalahan Rasuah	42
Jadual 3.1	Pecahan Populasi Pegawai TDM Mengikut Divisyen	57
Jadual 4.1	Taburan Umur Responden	63
Jadual 4.2	Taburan Mengikut Bangsa	64
Jadual 4.3	Taburan Mengikut Agama	65
Jadual 4.4	Taburan Taraf Perkahwinan	65
Jadual 4.5	Taburan Tahap Pendidikan	66
Jadual 4.6	Taburan Mengikut Pangkat	67
Jadual 4.7	Taburan Berkaitan Tempoh Perkhidmatan	67
Jadual 4.8	Analisis Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah (N=243)	68
Jadual 4.9	Analisis Kesahihan Pemboleh Ubah (N=243)	69
Jadual 4.10	Tahap Kesedaran Responden Membanteras Rasuah	70
Jadual 4.11	Keputusan Ujian Regresi Berganda Terhadap Pembolehubah	71
Jadual 4.12	Analisis Regresi Berganda (N=243)	72

SENARAI RAJAH

	Perkara	Halaman
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian	54

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BPR	Badan Pencegah Rasuah
BTOS	<i>Barlett Test of Spharecity</i>
CPI	<i>Corruption Perception Index</i>
GTP	<i>Government Transformation Program</i>
IIM	Institut Integriti Malaysia
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KDRM	Kastam Diraja Malaysia
KMO	<i>Kaiser-Mayer-Olkin</i>
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMANDU	<i>Performance Management and Delivery Unit</i>
PIN	Pelan Integriti Nasional
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
SERU	<i>Socio-economic and Research Unit</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TDM	Tentera Darat Malaysia
TI	<i>Transparency International</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kebimbangan negara dan masyarakat terhadap jenayah rasuah telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi permasalahan ini. Sebagai contoh, kerajaan telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 4 Mac 2004 untuk mempermudah Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004. PIN ialah sebuah pelan induk yang bertujuan memantapkan integriti semua komponen masyarakat dan negara. Ia bagi memupuk, menyemai dan membaja sistem kehidupan masyarakat dan negara dalam usaha besar membina sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika. Objektif umumnya ialah untuk memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan diitunjangi oleh budi pekerti yang luhur" (Pelan Integriti Nasional, 2011).

Keperihatinan kerajaan nampak lebih terserlah apabila menaik taraf Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009 (SPRM, 2011). Tidak hanya terhenti setakat itu, kini memerangi jenayah rasuah menjadi sebahagian daripada agenda utama

kerajaan apabila membanteras rasuah telah menjadi salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Program Transformasi Kerajaan atau GTP (*Government Transformation Program*) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 28 Januari 2010 (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Kebimbangan rakyat dan keperihatinan kerajaan sememangnya bertempat dan mempunyai asasnyanya. Hal ini kerana berdasarkan kajian yang dibuat oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau PEMANDU (*Performance Management and Delivery Unit*) mendapati bahawa amalan rasuah boleh menyebabkan kos kepada negara dengan anggaran sebanyak RM 10 bilion setahun atau bersamaan 1-2% daripada KDNK (Jabatan Perdana Menteri, 2010). PEMANDU juga menyatakan bahawa dari segi sosial, prestasi Malaysia dalam bidang rasuah telah ketinggalan dan perlu dipertingkatkan bagi mencapai matlamat sosial yang termaktub dalam Wawasan 2020. Jumlah kos dan prestasi sosial negara yang ketinggalan seperti dinyatakan itu sepatutnya telah membuka mata serta menginsafkan setiap lapisan masyarakat. Justeru amalan rasuah tidak boleh dipandang ringan dan mesti dilihat oleh rakyat sebagai musuh utama mereka. Sekiranya gejala rasuah ini tidak dibendung atau dibiarkan sahaja berleluasa dalam negara nescaya ia akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada negara.

Gupta, Davordi dan Terme (2002) dalam kajian mereka menemui bukti bahawa peningkatan dan kadar rasuah yang tinggi bukan sahaja menjejaskan pelaburan dan pembangunan sesebuah negara malahan telah meningkatkan

jurang pendapatan dan kadar kemiskinan dalam negara tersebut. Ini kerana sumber negara yang sepatutnya diagihkan secara adil kepada semua golongan masyarakat hanya berlegar di kalangan golongan berkedudukan tinggi, berpengaruh dan berkuasa sahaja. Oleh itu, sebarang polisi yang berjaya mengurangkan kadar rasuah akan mengurangkan jurang pendapatan dan kadar kemiskinan di negara berkenaan (Gupta et al., 2002).

Melalui GTP, PEMANDU yang bertanggungjawab mendukung program tersebut telah memulakan usaha membanteras rasuah ini dengan memberikan fokus kepada tiga bidang yang amat terdedah kepada rasuah. Bidang-bidang tersebut ialah badan pengawal seliaan dan penguatkuasaan, pemerolehan kerajaan dan rasuah besar seperti rasuah politik dan sebagainya (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Terdapat tiga tujuan utama program ini, iaitu pertama, untuk meraih semula keyakinan orang ramai terhadap agensi pengawal seliaan dan penguatkuasaan, iaitu pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kedua, adalah untuk mengurangkan ketirisan dana yang diperuntukan untuk pembangunan nasional dan perbelanjaan operasi selain memastikan ketelusan dalam penganugerahan kontrak kerajaan. Manakala yang terakhir adalah bagi menghalang penyalahgunaan kuasa dan sumber awam oleh ahli politik dan pegawai kanan kerajaan.

Walaupun GTP masih di peringkat awal, namun kerajaan melalui agensi-agensinya yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan rasuah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi membanteras jenayah rasuah. Antara yang boleh dilihat ketika ini adalah pendakwaan kes rasuah di mahkamah terhadap pegawai tinggi perkhidmatan awam dan wakil-wakil rakyat tanpa mengira parti politik kerana menyalahguna dana awam (Utusan Malaysia, 8 April 2011). Sebagai contoh, empat Pegawai Penguatkuasa Imigresen di Bahagian Perkapalan, Pelabuhan Klang akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima rasuah antara RM 5,710.00 hingga RM 13,590.00 pada April hingga September 2010 daripada pemandu feri dan orang perantara sebagai upah bagi memudahkan urusan kemasukan penumpang warga Indonesia ke negara ini tanpa perlu mematuhi syarat ditetapkan (Utusan Malaysia, 8 April 2011). Mereka didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM 10,000.00 atau mana yang lebih tinggi.

Dalam kes yang berasingan, seorang ahli politik bergelar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah dijatuhkan hukuman penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak RM 20,000.00 setelah didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen Jenayah kerana menerima suapan sebanyak RM 2,000.00 daripada seorang kontraktor bertujuan mengeluarkan surat sokongan berkaitan dengan projek pasir lebih dua tahun lalu (Utusan Malaysia, 1 April 2011). Kes-kes

jenayah rasuah ini hampir setiap hari dilaporkan di dada-dada akhbar utama di negara kita. Kes-kes tersebut melibatkan Komandan Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) (Utusan Malaysia, 22 Mac, 2011), pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) (Utusan Malaysia, 23 November, 2011), Pegawai Penyiasat Trafik di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) (Utusan Malaysia, 8 Mac 2010) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (Utusan Malaysia, 3 Mac 2010).

Selain kes-kes yang disebutkan di atas, terdapat banyak lagi kes-kes rasuah terhadap penjawat awam yang telah dan akan dibawa ke mahkamah kerana mengikut statistik yang dikeluarkan SPRM untuk tahun 2011, sehingga bulan April, seramai 137 orang penjawat awam telah ditangkap atas dakwaan rasuah (SPRM, 2011). Daripada jumlah tersebut, 91 orang adalah dari kumpulan sokongan, 43 orang dari kumpulan pengurusan dan profesional, dan 3 orang dari kumpulan pengurusan tertinggi (SPRM, 2011).

Selain pendakwaan kes rasuah di mahkamah, pasukan khas perkhidmatan awam bagi memeriksa penyalahurusan kewangan yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara juga telah ditubuhkan. SPRM pula telah menyiapkan kajian untuk menyekat ruang dan peluang penyalahgunaan dana kawasan dewan undangan negeri dan parlimen oleh ADUN dan Ahli Parlimen. Taklimat tentang tatacara mengurus dengan betul terhadap peruntukan yang diberikan

kerajaan kepada mereka juga telah disampaikan oleh SPRM bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan dana yang diperuntukkan.

Walaupun usaha-usaha membanteras rasuah ini telah dilakukan, namun usaha ini akan menjadi lebih berkesan sekiranya langkah-langkah berterusan yang diambil oleh kerajaan ini disokong oleh kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat terutamanya para penjawat awam. Sebagai penjawat awam, mereka mempunyai kuasa tertentu yang diperuntukkan dalam menjalankan tugas dan akibatnya mereka akan lebih terdedah kepada penyalahgunaan kuasa kerana rasuah (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Kesedaran masyarakat terhadap jenayah rasuah pula masih lagi rendah. Masyarakat masih lagi belum sedar bahawa perbuatan rasuah merupakan satu perbuatan jenayah yang serius (Ahmad Khusairi, 2010). Pertambahan jumlah mereka yang terlibat dengan rasuah dan laporan yang mendedahkan bahawa masih ramai penjawat awam yang didapati terlibat dalam jenayah rasuah walaupun kerajaan telah melakukan banyak usaha bagi membanterasnya amat memeranjatkan. Fenomena ini memerlukan satu kajian khusus dilaksanakan untuk melihat sejauh mana tahap kesedaran penjawat awam terhadap bahaya rasuah. Pemahaman kepada tahap kesedaran ini akan dapat digunakan sebagai strategi bagi melibatkan mereka dalam usaha untuk membanteras rasuah.

Literatur terdahulu menunjukkan bahawa kajian-kajian sebelum ini tidak menjurus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran

membanteras rasuah. Kajian-kajian lepas yang dilakukan bertumpu kepada perbincangan mengenai perlakuan jenayah rasuah secara menyeluruh dan umum (Mohamad Fauzi, 2001). Kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada amalan rasuah di jabatan polis berdasarkan pemerhatian dan analisis maklumat dan data dari rekod-rekod polis. Pola kandungan tulisan mereka selalunya menyentuh tentang konsep rasuah, teori rasuah, ciri-ciri rasuah, faktor-faktor menyebabkan rasuah, kesan rasuah dan langkah-langkah mengurangkan jenayah rasuah (Mohamad Fauzi, 2001). Di samping itu, terdapat kajian lain yang dibuat menjurus ke arah menilai persepsi kumpulan masyarakat dan organisasi terhadap amalan rasuah. Kajian berbentuk persepsi digunakan kerana jenayah rasuah terlalu sukar untuk diukur akibat kerahsiaan yang tinggi di kalangan pengamalnya (Transparency International, 2011).

Antara isu yang pernah dikaji ialah mengenai persepsi masyarakat terhadap amalan rasuah dalam pentadbiran dan politik (Transparency International, 2011), program pencegahan rasuah dalam SPRM (Jamil, 2010), peranan dan fungsi etika dalam memerangi rasuah (Nor Yatimah, 2010), persepsi pegawai awam terhadap jenayah rasuah (Mohamad Fauzi, 2001), amalan rasuah di kalangan anggota polis (Ramli, 1998), bagaimana pengaruh kolektif dan kumulatif dari rasuah adalah berpunca dari lemahnya semangat di peringkat birokrasi (Syed Husein Alatas, 1995), pengetahuan, sikap dan nilai terhadap rasuah (SERU, 1991) dan kesan rasuah ke atas sosiopsikologi pegawai dan orang awam yang terlibat (Biro Penyelidikan dan Perundingan UKM, 1991). Justeru, kajian bagi mengetahui sejauh mana tahap kesedaran penjawat awam

untuk membanteras jenayah rasuah ini adalah perlu sebagai satu usaha memenuhi jurang yang masih terdapat dalam kajian berkaitan rasuah di negara ini.

1.2 Definisi Rasuah

Rasuah berasal daripada perkataan Arab, iaitu 'rishwah' atau 'rashwah' yang bermaksud sesuatu penyambung yang dapat menghantarkan tujuan dengan harta sogokan. Asal perkataan tersebut adalah 'rasha' yang bermakna tali timba yang digunakan untuk mengambil air di dalam perigi (Mutiara Islam, 2011).

Kamus Dewan (1995) mentakrifkan rasuah sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap).

Menurut Kamus Oxford (1989), rasuah ditakrifkan sebagai sesuatu yang diberi, ditawarkan atau dijanjikan kepada seseorang untuk mendorong atau memujuknya melakukan sesuatu (kebiasaannya secara tidak jujur) bagi kepentingan pihak yang memberi rasuah itu.

Transparency International (2011) pula mendefinisikan rasuah sebagai penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk mendapatkan keuntungan peribadi.

Antara contoh istilah atau panggilan lain bagi rasuah dalam konteks penggunaannya oleh rakyat Malaysia ialah makan suap, duit kopi, tumbuk rusuk, *under counter payment/money*, salahguna kuasa, duit pelincir dan tangkal pengeras (1Klik, 2011).

Mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009), rasuah diistilahkan sebagai suapan. Walau bagaimanapun ia tidak terhad kepada perbuatan memberi dan menerima suapan berbentuk wang atau barangan berharga sahaja. Mengikut Seksyen 2 akta yang sama, suapan diperincikan sebagai:

- a. Wang, derma, alang, pinjaman, bayaran, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- b. Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- c. Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

- d. Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- e. Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- f. Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, seperti perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- g. Apa-apa tawaran, akujanji atau janji, samada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan a hingga f di atas.

Dari pandangan Islam, Al-Quran telah menerangkan bahawa perbuatan memakan harta orang lain secara salah adalah haram. Allah S.W.T berfirman yang maksudnya:

“Dan janganlah sebahagian dari kamu memakan (atau mengambil) harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (yakni memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak (atau mengambil) sebahagian dari harta orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya”.

(Surah Al-Baqarah, Ayat 188)

Daripada petikan ayat Al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa perbuatan memakan dan mengambil harta secara salah dengan menyogok mana-mana pihak merupakan satu amalan rasuah yang salah dan berdosa.

Nabi S.A.W pernah bersabda yang diriwayatkan al-Tirmizi dan Ibn Majah serta dinilai sahih oleh al-Albani (Minda Tajdid, 2011) seperti berikut:

“Allah melaknat pemberi rasuah dan penerimanya”.

Rasuah adalah pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang bukan hak, atau menzalimi hak pihak lain. Pemberi rasuah mengharapkan sesuatu balasan yang dia tidak dapat memperolehinya tanpa sogokan tersebut. Dengan pemberian tersebut menyebabkan ada pihak lain yang dizalimi haknya, sama ada dihilangkan atau dikurangkan atau dilambatkan atau akan ada pihak yang dikenakan suatu tindakan yang tidak adil. Maka rasuah merupakan pemberian bersyarat yang dikeji oleh Islam dan perbuatan rasuah adalah merupakan dosa yang besar (Minda Tajdid, 2011).

1.3 Akta-Akta Berkaitan Rasuah

Secara khususnya perlakuan jenayah rasuah di kawal melalui Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694). SPRM adalah badan utama yang diberi tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dalam akta tersebut. Perkara ini dijelaskan dalam Seksyen 7, akta berkenaan. Seksyen ini menjelaskan bahawa fungsi SPRM adalah menerima, menimbang dan menyiasat secara yang difikirkan praktik apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan di bawah akta ini. SPRM juga dikehendaki mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan yang disyaki dan percubaan serta komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini.

Selain itu, Seksyen 7 juga menjelaskan bahawa SPRM dikehendaki meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta tersebut. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah. SPRM turut dikehendaki mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana pihak atas permintaan pihak tersebut, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan. SPRM perlu menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk

mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah. Akhirnya, Seksyen 7 mengkehendaki SPRM mendidik orang ramai untuk menentang rasuah dan mendapatkan serta memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Selain Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694), terdapat juga akta-akta lain yang masih digunakan dalam mengawal jenayah tersebut seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) melalui Seksyen 161, 162, 163, 164 dan 165 bersabit kesalahan rasuah di kalangan penjawat awam. Akta Kastam (1967) (Akta 235) Seksyen 137 menerangkan tentang kesalahan menerima atau menawar rasuah di kalangan pegawai kastam dalam menjalankan tugas mereka. Seksyen 7 sehingga 11 dalam Akta Kesalahan Pilihanraya (1954) (Akta 5) menjelaskan tentang kesalahan perbuatan rasuah dalam pilihanraya. Begitu juga dengan Akta Keterangan (1950) (Akta 56), Akta Polis (1967) (Akta 344) dan beberapa akta lain turut menjelaskan mengenai kesalahan rasuah.

Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694), kesalahan, tindakan dan penalti yang boleh dikenakan ke atas perbuatan rasuah diterangkan melalui Seksyen 16 sehingga Seksyen 27. Dalam konteks undang-undang Malaysia, secara prinsipnya terdapat tiga bentuk rasuah iaitu melakukan suapan, memperdaya majikan melalui pemalsuan dokumen dan menyalahguna jawatan atau kedudukan.

1.3.1 Suapan

Seksyen 16 (a), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694) menjelaskan bahawa sesiapa yang secara sendiri atau melalui atau bersama-sama dengan orang lain meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima apa-apa suapan bagi dirinya atau bagi pihak lain sebagai dorongan, upah atau selainnya adalah dianggap sebagai melakukan kesalahan.

Seksyen 16 (b), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694) pula menjelaskan bahawa sesiapa yang secara sendiri atau melalui atau bersama-sama dengan orang lain memberikan, menjanjikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada seseorang sama ada bagi faedah orang itu atau pihak lain adalah dianggap sebagai melakukan kesalahan.

Seksyen 17 akta yang sama menjelaskan tentang kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen. Seksyen 19 menjelaskan bahawa penerima atau pemberi suapan dianggap melakukan suatu kesalahan tanpa mengambil kira maksud tidak dilaksanakan atau perkara tidak berkaitan dengan hal ehwal atau perniagaan. Seksyen 20 pula adalah berkaitan rasuah untuk mendapatkan penarikan balik tender. Seksyen 21 dan 22 masing-masing menjelaskan tentang kesalahan menyogok pegawai badan awam dan pegawai awam asing.

1.3.2 Memperdaya Majikan Melalui Pemalsuan Dokumen

Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694) menjelaskan bahawa seseorang itu dianggap melakukan kesalahan sekiranya memalsukan resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan, dengan niat untuk memperdayakan majikannya.

1.3.3 Menyalahguna Jawatan atau Kedudukan

Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009) (Akta 694) menjelaskan bahawa mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudara atau sekutunya adalah dianggap melakukan kesalahan. Bagi maksud kesalahan ini, di bawah Seksyen 23 (2), pegawai awam juga dianggap menggunakan kedudukan untuk mendapat suapan apabila dia membuat keputusan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

1.3.4 Penalti

Seksyen 24 menyenaraikan penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang disabitkan di bawah Seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22

dan 23. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23, pesalah boleh dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM 10,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 18, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai butiran yang dipalsukan sekiranya dapat dinilai dalam bentuk wang atau RM 10,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

1.3.5 Kewajipan Melapor

Sesiapa yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan apa-apa suapan hendaklah melaporkannya kepada pegawai SPRM atau pegawai polis. Kegagalan berbuat demikian boleh didenda tidak melebihi RM 100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Pihak yang diminta memberikan suapan juga perlu melaporkannya dan sekiranya gagal berbuat demikian boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Kewajipan melapor dan hukuman yang dinyatakan itu dijelaskan melalui Seksyen 25.

1.3.6 Berurusan, Menggunakan, Memegang, Menerima atau Menyembunyikan Suapan

Seksyen 26 menerangkan, sesiapa yang sama ada berada di dalam atau di luar negara yang berurusan dengan harta suapan dalam kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23 dianggap melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

1.3.7 Pernyataan Palsu

Seseorang yang membuat atau menyebabkan pihak lain membuat pernyataan palsu atau pernyataan bertujuan mengelirukan atau tidak selaras dengan pernyataan olehnya sebelumnya kepada pegawai SPRM atau pendakwa raya dianggap melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini dinyatakan dalam Seksyen 27.

1.4 Pernyataan Masalah

Kesedaran terhadap bahaya amalan rasuah di kalangan masyarakat adalah amat penting. Masyarakat tanpa mengira apa jua segmennya mesti

memahami bahawa amalan rasuah adalah bercanggah dengan nilai-nilai moral, etika dan agama. Akibat daripada amalan tersebut maka berlakulah kerumitan prosedur dan kewangan dalam kehidupan seharian rakyat selain menyumbang kepada ketidak seimbangan sosio-ekonomi dan menghakis sistem nilai negara (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah, Transparency International (TI-CPI) yang berada di tangga ke-23 pada tahun 1995 telah jatuh dengan mendadak ke tangga ke-56 pada tahun 2009. Laporan yang didedahkan juga menunjukkan bahawa rakyat amat tidak berpuashati dengan prestasi kerajaan dalam membanteras rasuah. Mengikut kajian *Global Corruption Barometer* 2009, 67% daripada warga Malaysia percaya bahawa tindakan kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah adalah tidak berkesan. Pada tahun 2010, kedudukan Malaysia masih berada pada tangga 56 dengan *CPI Score* 4.4 (Transparency International, 2011) dan tidak mencapai sasaran ditetapkan melalui inisiatif NKRA membanteras rasuah tahun 2010, iaitu 4.9 (Jabatan Perdana Menteri, 2011). Malah kedudukan CPI Score yang dicatatkan itu jatuh sedikit berbanding tahun 2009 iaitu 4.5 daripada 10 (Transparency International, 2011).

Umum mengetahui bahawa membanteras rasuah bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Namun sehingga kini kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dalam mengembeling tenaga ke arah membasmi jenayah ini. Antaranya adalah melalui kempen

kesedaran memerangi rasuah dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan rasuah. Namun kebimbangan masyarakat terhadap fenomena amalan rasuah dalam negara ini terus berlarutan. Malahan sehingga kini sebahagian besar masyarakat masih tidak begitu yakin terhadap kesungguhan kerajaan memerangi jenayah rasuah ini seperti diterjemahkan melalui keputusan kajian TI yang dinyatakan tadi. Justeru adalah penting untuk mengetahui sama ada tahap kesedaran untuk membanteras rasuah di kalangan penjawat awam telah benar-benar bertambah baik melalui kempen dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan atau sebaliknya.

Literatur terdahulu menunjukkan banyak faktor yang boleh mempengaruhi tahap kesedaran seseorang individu terhadap sesuatu perkara. Antaranya ialah kempen, penguatkuasaan, pengetahuan, sikap, nilai agama dan pengaruh personal. Faktor-faktor tersebut telah disesuaikan dalam kajian ini bagi mencari hubungannya dengan tahap kesedaran pegawai Tentera Darat Malaysia (TDM) mengenai rasuah.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan mengenai jenayah rasuah bukan sahaja menyebabkan rakyat dan negara kerugian berjuta-juta ringgit, tetapi menimbulkan persoalan tahap kesedaran dan integriti penjawat awam berkenaan jenayah ini. Walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk menangani permasalahan ini, namun masalah ini terus berlaku dan dilaporkan menerusi media massa

hampir setiap hari. Adalah tidak dinafikan bahawa terdapat berbagai faktor yang boleh mempengaruhi tahap kesedaran pegawai TDM dalam membanteras jenayah rasuah, namun kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan tentang bagaimanakah faktor kempen kesedaran, penguatkuasaan undang-undang rasuah, pengetahuan pegawai, sikap pegawai, nilai agama serta moral pegawai dan pengaruh personal (seperti rakan sekerja, suami, isteri, ibubapa, pemimpin atasan) serta sosial (media dan sebagainya) mempengaruhi tahap kesedaran tersebut.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapat kefahaman tentang tahap kesedaran pegawai TDM berkenaan dengan gejala rasuah. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- a. Mengukur tahap kesedaran di kalangan pegawai TDM terhadap usaha kerajaan membanteras jenayah rasuah.
- b. Menguji kekuatan hubungan antara kempen kesedaran dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.
- c. Menguji kekuatan hubungan antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.

- d. Menguji kekuatan hubungan antara pengetahuan dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.
- e. Menguji kekuatan hubungan antara sikap dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.
- f. Menguji kekuatan hubungan antara nilai agama dan moral dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.
- g. Menguji kekuatan hubungan antara pengaruh personal serta sosial dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting atas beberapa sebab seperti berikut:

- a. Menentukan tahap sebenar kesedaran pegawai-pegawai TDM terhadap kepentingan membanteras rasuah selepas kempen dan penguatkuasaan yang giat dijalankan kerajaan. Penentuan ini penting bagi menyesuaikan dengan persepsi negatif masyarakat terhadap penjawat awam dalam hal berkaitan amalan rasuah.

- b. Kajian ini akan memberikan maklumat kepada pihak kepimpinan TDM tentang tahap kesedaran pegawai-pegawai TDM terhadap rasuah. Maklumat tersebut boleh digunakan bagi mencari kaedah untuk memperbaiki atau meningkatkan tahap integriti pegawai-pegawai TDM.
- c. Kajian ini boleh dijadikan contoh oleh agensi-agensi kerajaan lain untuk mengkaji tentang tahap kesedaran penjawat awam di agensi mereka. Hasil kajian ini boleh digunakan bagi memperbaiki sistem pengurusan integriti agensi dan secara tidak langsung menyokong dasar kerajaan dalam usaha membanteras jenayah rasuah.
- d. Kajian terhadap rasuah terutamanya di peringkat sarjana tidak banyak dilakukan. Mungkin tidak ramai yang berminat dalam bidang ini kerana beranggapan bahawa bidang ini merupakan tugas utama SPRM. Sungguhpun Kursus Sarjana Pengajian Rasuah telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan melahirkan graduan-graduan pertamanya pada tahun 2010, namun usaha tersebut masih baharu dan perlu terus diberikan perhatian. Apa yang lebih penting ialah kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini tidak pernah mengkaji tentang tahap kesedaran penjawat awam setelah sekian banyak tindakan penguatkuasaan diambil dan kempen-kempen kesedaran dilakukan oleh kerajaan. Justeru kajian ini akan menjadi sebagai tambahan kepada kajian-kajian sedia ada dalam bidang rasuah untuk

dijadikan rujukan oleh para pengkaji lain yang berminat dalam bidang ini.

1.8 Skop Kajian

Sektor perkhidmatan awam yang bebas daripada amalan rasuah amat penting bagi menjamin kestabilan dan kemakmuran negara. Tumpuan kerajaan terhadap agensi-agensi yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan dan pemerolehan adalah sangat bertepatan kerana kestabilan dan kemakmuran negara bergantung kepada keikhlasan mereka dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Selain daripada agensi-agensi penguatkuasaan seperti pasukan PDRM, KDRM, Imigresen dan JPJ, TDM juga merupakan antara satu lagi agensi penting dalam memastikan kestabilan negara melalui peranannya menjaga keselamatan dan memelihara keamanan serta kedaulatan negara. Peranan tersebut secara tidak langsung menuntut warga TDM supaya mempunyai integriti yang tinggi kerana sebarang tindakan warganya yang mencemar integriti seperti amalan rasuah akan memberikan kesan sangat buruk kepada keselamatan negara.

Setiap tahun TDM menerima peruntukan yang besar daripada kerajaan untuk pembangunan dan penyelenggaraan aset-aset ketenteraannya. Selain itu, peruntukan besar bagi perolehan senjata dan peralatan pertahanan baharu turut diberikan. Justeru pengurusan kewangan yang bersih amat penting supaya setiap peruntukan yang diberi kerajaan dibelanjakan mengikut

perancangan tanpa terdapat unsur-unsur penyelewengan. Perkara ini sangat penting kerana setiap penyelewengan yang berlaku akan memberi kesan buruk terhadap tahap kesiapsiagaan TDM.

Kajian ini melibatkan organisasi TDM yang merupakan sebuah organisasi terbesar dan terkanan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ia dilakukan dengan memberi fokus kepada pegawai-pegawai peringkat pertengahan yang berpangkat Leftenan Muda, Leftenan, Kapten dan Mejar. Kumpulan pegawai ini dipilih kerana mereka adalah kumpulan majoriti pegawai dan merupakan penghubung di antara anggota peringkat bawahan dengan pihak pengurusan atasan dalam TDM. Kumpulan ini menjadi contoh teladan terdekat kepada anggota-anggota bawahan TDM dan apa yang lebih penting adalah mereka merupakan bakal pemerintah-pemerintah pasukan, briged, divisyen, medan dan TDM yang akan mengurus dan mentadbir sumber pertahanan negara pada masa hadapan. Sebagai usaha untuk melihat gejala rasuah dibanteras secara berkesan bagi jangkamasa yang lebih panjang dan berterusan, maka golongan ini perlu ditanam dengan kesedaran tentang bahaya serta kesan buruk akibat amalan rasuah.

Selain itu, kajian ini difokuskan kepada jenayah rasuah dalam konteks yang dipraktikan di Malaysia sahaja. Selain rujukan ke atas akta-akta rasmi berkaitan undang-undang rasuah di Malaysia, pandangan dan amalan budaya masyarakat Malaysia serta perspektif rasuah dari sudut agama turut diambil sebagai rujukan.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan tentang permasalahan dan isu yang timbul yang memerlukan kajian ini dilakukan. Selain itu, ianya telah membincangkan dan menerangkan hala tuju kajian yang akan dilaksanakan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan tentang ulasan karya dari penulisan dan penyelidikan terdahulu untuk menyokong kajian yang dijalankan ini.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Secara umumnya, bab ini membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu berhubung jenayah rasuah, teori-teori berkenaan jenayah rasuah, punca-punca yang menyebabkannya berlaku dan implikasinya kepada negara. Maklumat-maklumat yang diperolehi tentang perkara-perkara tersebut telah dijadikan sebagai asas kepada kajian ini untuk melihat dengan lebih lanjut tentang apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesedaran untuk membanteras jenayah rasuah tersebut.

2.2 Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Rasuah

Kajian mengenai rasuah telah menarik minat bukan sahaja di kalangan pihak berkuasa, malah ia turut menarik minat para akademik. Kajian-kajian lepas berkaitan rasuah banyak dilakukan oleh para sarjana, ahli-ahli kriminologi dan agensi-agensi kerajaan di mana kajian-kajian mereka lebih tertumpu kepada perlakuan jenayah rasuah secara umum yang menyentuh tentang konsep rasuah, teori rasuah, ciri-ciri rasuah, faktor-faktor menyebabkan rasuah, kesan rasuah dan langkah-langkah mengurangkan jenayah rasuah (Gupta et al., 2002; Mohamad Fauzi, 2001). Banyak kajian yang dibuat hanya berdasarkan pemerhatian serta analisis terhadap dokumen berkaitan rasuah

dari jabatan-jabatan terpilih (sebagai contoh lihat Mohamad Fauzi, 2001). Faktor kesukaran untuk mengukur tahap perlakuan jenayah rasuah (dipercayai banyak kes-kes rasuah tidak dilaporkan dan sukar dikesan kerana jenayah rasuah melibatkan persetujuan bersama antara pemberi dan penerima rasuah yang akhirnya menjadi rahsia yang tidak dapat dibongkar) telah membataskan kajian dan menyebabkan kajian dilakukan hanya berdasar kepada pemerhatian dan analisis dokumen (Mohamad Fauzi, 2001).

Antara isu-isu lain yang turut menarik minat penyelidik-penyelidik terdahulu adalah seperti keberkesanan program pencegahan rasuah (Jamil, 2010), peranan dan fungsi penggerak etika untuk memerangi rasuah (Nor Yatimah, 2010) dan persepsi pegawai awam terhadap jenayah rasuah (Mohamad Fauzi, 2001).

Jamil (2010) dalam kajiannya yang bertujuan melihat keberkesanan terhadap program pencegahan rasuah dalam SPRM, mendapati bahawa dalam setiap kes pendakwaan, unsur keraguan harus dihapuskan langsung bagi memastikan penjenayah dikenakan hukuman setimpal dengan perbuatan mereka. Bagi memudahkan prosedur pendakwaan kes-kes rasuah, beliau amat berharap agar pendakwaan kes-kes rasuah dapat dijalankan sendiri oleh pihak SPRM tanpa melalui Pejabat Peguam Negara.

Nor Yatimah (2010) telah menjalankan kajian berkenaan peranan dan fungsi penggerak etika untuk memerangi rasuah. Kajian tersebut bertujuan untuk

menjadikan penggerak etika sebagai satu konsep berhubung pendedahan mengenai penyelewengan, salah laku, amalan-amalan yang salah dari segi peraturan dan tidak sah di sisi undang-undang yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Kajian ini mendapati bahawa keikhlasan pemberi maklumat untuk mendedah perlakuan rasuah yang dilakukan oleh pihak lain adalah amat diperlukan bagi memudahkan penyiasatan. Beliau berpendapat bahawa semua pihak perlu mempunyai sikap benci dan malu untuk melakukan rasuah demi memastikan negara kita bersih daripada rasuah.

Mohamad Fauzi (2001) telah membuat satu kajian mengenai persepsi pegawai awam di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan terhadap jenayah rasuah bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai perlakuan jenayah rasuah. Hasil kajian beliau mendapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap bentuk kesalahan jenayah rasuah masih rendah. Kebanyakannya tidak memahami secara jelas dan nyata mengenai bentuk kesalahan jenayah rasuah. Sebanyak 65.6% daripada responden tidak dapat membezakan antara hadiah dengan rasuah, manakala sekitar 43.3% daripada responden pula tidak tahu bahawa perbuatan menerima sesuatu imbuhan daripada seseorang untuk janji memberikan layanan istimewa merupakan kesalahan rasuah walaupun janji tersebut tidak ditunaikan. Sementara itu, sebanyak 50.9% responden tidak tahu bahawa perbuatan menerima upah atau saguhati kerana menyelesaikan urusan orang awam dengan cekap dan cepat adalah perbuatan jenayah rasuah. Seramai 36.6% responden pula tidak tahu

bahawa kegagalan melaporkan kejadian tawaran atau pemberian rasuah oleh orang awam merupakan satu kesalahan.

Kajian Mohamad Fauzi (2001) mendedahkan lagi bahawa tahap kefahaman responden terhadap hukuman dan undang-undang kesalahan jenayah rasuah pula berada di paras sederhana. Kefahaman terhadap hukuman dan undang-undang adalah penting kerana melaluinya perasaan takut untuk terlibat dalam jenayah rasuah akan timbul. Pelaksanaan hukuman dan penguatkuasaan undang-undang pula akan mewujudkan kesedaran untuk tidak melakukan jenayah rasuah. Sebanyak 92.5% responden mengatakan bersetuju bahawa faktor lemahnya pegangan agama dan rendah moral menjadi punca penjawat awam menerima rasuah. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pegangan dan penghayatan agama yang tinggi menjadi faktor penting yang boleh mempengaruhi kesedaran membanteras jenayah rasuah.

Kajian oleh Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi atau SERU (*Socio-economic and Research Unit*), Jabatan Perdana Menteri pada 1991 tentang pengetahuan, sikap dan nilai terhadap rasuah mendapati bahawa faktor tamak dan peluang merupakan penyebab utama pegawai kerajaan menerima rasuah. Kajian tersebut juga mendapati sebahagian besar orang ramai tidak memberi kerjasama kepada BPR (kini SPRM) dalam usaha mencegah rasuah. Tahap pengetahuan mengenai rasuah dan tanggungjawab responden terhadap usaha pencegahan rasuah juga didapati rendah sehingga menyebabkan usaha membanteras rasuah menjadi sukar.

Berdasarkan kajian tersebut, SERU mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya mewujudkan sokongan yang meluas di kalangan orang ramai terhadap usaha menentang rasuah dan menghapuskan rasa takut orang awam dalam membantu pihak berkuasa membanteras rasuah. Strategi bagi meningkatkan kefahaman mengenai bahaya rasuah di kalangan orang ramai dan penjawat awam melalui media massa, pendidikan formal dan tidak formal, institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya telah dikemukakan. Selain itu, kerajaan juga diminta menimbangkan baik buruk dan implikasi cadangan orang ramai supaya pelaku-pelaku rasuah dikenakan hukuman lebih berat.

Sebagaimana diketahui umum, kajian yang popular dalam bidang rasuah adalah kajian yang dilaksanakan oleh TI pada setiap tahun. Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui persepsi masyarakat terhadap amalan rasuah dalam pentadbiran dan politik negara-negara dunia yang turut melibatkan Malaysia. Tinjauan dan penilaian yang dibuat adalah berdasarkan soalan berhubung amalan rasuah di kalangan pegawai awam, perolehan awam, penyalahgunaan dana awam dan berkaitan kekuatan serta keberkesanan usaha membanteras rasuah oleh agensi pencegahan rasuah. Kajian berbentuk persepsi digunakan kerana jenayah rasuah terlalu sukar diukur akibat kerahsiaan yang tinggi di kalangan pengamalnya (Transparency International, 2011).

2.3 Teori Berkaitan Jenayah Rasuah

Jenayah rasuah adalah merupakan salah satu perlakuan menyimpang (*devian*) yang merujuk kepada tingkahlaku melanggar norma-norma kehidupan dan ditolak oleh masyarakat kebanyakan. Walau bagaimanapun tidak semua perlakuan menyimpang dianggap sebagai jenayah (Cliffs Notes, 2011). Perlakuan menyimpang dalam kategori jenayah adalah seperti mencuri, membunuh, rasuah dan sebagainya manakala perbuatan menyimpang dalam bentuk bukan jenayah adalah seperti berpakaian tidak sopan, bertugas sambil lewa dan perbuatan-perbuatan lain yang bertentangan dengan norma-norma sesuatu masyarakat tetapi tidak menyalahi undang-undang.

Bagi mengetahui sejauh manakah perlakuan menyimpang rasuah tergolong dalam perbuatan jenayah, maka kefahaman mendalam mengenai pengertian jenayah diperlukan terlebih dahulu. Menurut Curzon (dalam nukilan Jamaludin, 1997), jenayah dari segi bahasa merujuk kepada perlakuan jahat dan berdosa. Ia merupakan sesuatu perlakuan buruk atau perlakuan yang dilarang dan tidak bermoral atau dianggap salah dan pelakunya boleh menerima hukuman denda atau penjara.

Jenayah boleh berubah menjadi bukan jenayah kerana sesuatu perbuatan yang dianggap bersalah atau tidak bermoral mungkin tidak lagi dianggap tidak bermoral pada masa lain (Jamaludin, 1997; Nigam, 1965). Justeru, jenayah bergantung kepada dua set norma yang berkaitan, iaitu perundangan dan kod

etika moral yang wujud dalam sesuatu budaya. Ini jelas bahawa penjenayah dan moral saling berkaitan. Pelbagai perbuatan jahat manusia boleh dikategorikan sebagai perbuatan jenayah dan pada masa yang sama ia juga boleh dilihat sebagai sesuatu perbuatan tidak bermoral. Perundangan jenayah jelas menumpukan perhatian kepada aspek luaran (*external*) sedangkan etika atau moral lebih memberatkan soal dalaman (*internal*) (Jamaludin, 1997; William et al, 1971).

Mengikut pendapat lain, jenayah dihubungkan dengan perbuatan atau tingkahlaku yang ditegah oleh undang-undang awam, untuk menjaga kepentingan awam (Jamaludin, 1997; Marshall et al, 1960). Apabila sesuatu perbuatan atau perlakuan dilakukan dengan niat hendak melakukan kesalahan maka ia adalah suatu jenayah dan boleh dihukum dengan balasan penjara, denda, diseksa atau dibunuh (Jamaludin 1997; Salleh Abas, 1980).

Dalam mengaitkan perbuatan jenayah rasuah dengan tingkahlaku menyimpang, ianya boleh dianalisis secara psikologi berdasarkan beberapa proses tingkahlaku. Jadual 2.1 menunjukkan proses-proses tersebut yang dibahagikan kepada empat peringkat iaitu pra, permulaan, pertengahan dan akhir.

Jadual 2.1

Bentuk Tingkahlaku Menyimpang dan Hasil pada Setiap Peringkat dalam Perlakuan Jenayah Rasuah

Peringkat	Pra	Permulaan	Pertengahan	Akhir
Tingkahlaku	- motif klien - klien memberi sumbangan ikhlas - Situasi organisasi - Reaksi penerima	- makan - keraian - jamuan - cenderahati - hadiah	- bayaran tunai - balasan berharga - suapan	- tawaran - terbuka - kemestian
Hasilan	- konsep menabur budi - ucapan terima kasih - mesra - puji-pujian	- konsep terhutang budi - budaya dan amalan - termakan budi	- membalas budi - keterbiasaan - terlanjur	- terpaksa - halalkan - rasuah sebagai amalan

Sumber: Mohamad Fauzi (2001), muka surat 63 yang diubahsuai daripada Unit Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (1994)

Bentuk-bentuk tingkahlaku pada setiap peringkat dalam perlakuan jenayah rasuah tersebut mempunyai beberapa ciri perlakuan menyimpang. Hasilannya dalam setiap peringkat pula mendorong seseorang itu melakukan kesalahan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya yang menyalahi undang-undang dan peraturan.

Setiap proses tingkahlaku menyimpang dan hasilan yang terbentuk akan bergerak dari satu peringkat ke peringkat berikutnya secara berterusan. Individu yang telah berada di dalam mana-mana peringkat tersebut biasanya sukar untuk keluar daripada peringkat berkenaan. Malahan, apa yang sering

terjadi ialah individu tersebut akan terus berada dalam budaya dan cara bekerja yang dibentuk itu. Perlu juga difahami bahawa tidak semua tingkahlaku menyimpang itu perlu melalui setiap proses di atas kerana adakalanya ia terus berada di mana-mana daripada salah satu daripada empat peringkat tersebut.

Apabila membincangkan pengertian jenayah dan perilaku menyimpang, secara tidak langsung perbincangan tersebut akan berkaitan dengan bidang ilmu kriminologi. Kriminologi adalah satu perkataan yang berasal dari istilah *crime* (jenayah). Bidang ini merupakan disiplin ilmu berkaitan dengan jenayah dan perlakuan jenayah yang merangkumi bidang-bidang ilmu pengetahuan mengenai penologi, undang-undang dan keadilan undang-undang jenayah, kajian faktor-faktor mempengaruhi perlakuan jenayah seperti biologikal, psikologi, sosial, gender, ekonomi dan sebagainya, kajian mengenai bentuk-bentuk jenayah seperti jenayah kolar putih, pengedaran dadah, jenayah terancang dan seksual (Mohamad Fauzi, 2001).

Terdapat pelbagai teori dan aliran pemikiran dalam bidang kriminologi yang boleh dikaitkan dengan perlakuan jenayah rasuah oleh individu-individu dalam masyarakat. Antara teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli kriminologi yang memainkan peranan penting dalam membahaskan perlakuan jenayah dan perlakuan menyimpang adalah Teori Tekanan Struktur Sosial dan Teori Peneutralan (Mohamad Fauzi, 2001).

2.3.1 Teori Tekanan Struktur Sosial

Ahli-ahli sosiologi yang mengkaji perlakuan menyimpang dari aspek proses-proses sosial, kebudayaan dan struktur organisasi sesebuah masyarakat melihat perbuatan jenayah dan perlakuan menyimpang bukan disebabkan oleh ciri-ciri yang diwarisi secara semulajadi dalam tingkahlaku manusia, tetapi oleh faktor persekitaran. Antara teori yang berkaitan dalam hal ini ialah Teori Anomie Merton dan Teori Perhubungan Pembeza.

2.3.1.1 Teori Anomie Merton

Teori ini pada awalnya dibentuk oleh Emile Durkheim di mana beliau mendefinisikan anomie sebagai suatu keadaan di mana nilai dan norma relatif tidak wujud dalam sesuatu keadaan masyarakat atau kumpulan. Satu keadaan di mana masyarakat tidak lagi mampu menjalin dan mengekalkan kawalan ke atas keperluan-keperluan dan keinginan individu dalam sesebuah masyarakat. Oleh kerana individu merasakan sukar untuk menghadkan keinginan mereka, permintaan mereka menjadi tidak terhad disebabkan tiada kawalan sosial.

Menurut Siegal (1992), anomie wujud kerana malapetaka seperti kemelesetan ekonomi, peperangan dan kebuluran.

Selain itu, Emile Duckheim juga mengenal pasti suatu anomie kemewahan yang berlaku secara mendadak menjejaskan konsep norma, peraturan dan tingkahlaku.

Robert Merton (Rohana, 1996) telah mengubah suai konsep abstrak Duckheim dan memperjelaskan lagi mengenai anomie. Merton menyatakan bahawa ketidak tentuan antara penekanan masyarakat untuk mendapat sesuatu matlamat juga membenarkan individu tersebut untuk melaksanakan pencapaian matlamatnya dengan berbagai cara. Menurut beliau, kebanyakan individu ingin mencapai kejayaan dari segi material, kekuasaan dan sebagainya. Akan tetapi hanya dengan cara-cara tertentu yang dibenarkan masyarakat seperti berpendidikan tinggi dan bergaji tinggi, matlamat tersebut baru boleh dicapai. Oleh kerana berlakunya ketidakadilan struktur sosial, bukan semua individu mendapat peluang yang saksama untuk mendapatkan apa yang dibenarkan oleh masyarakat. Sebagai contoh, orang miskin telah dinafikan hak kemasyarakatan yang sepenuhnya untuk mendapatkan taraf pendidikan yang tinggi. Oleh itu, bagi individu yang ingin kekayaan dan kemewahan, mereka mempunyai dorongan kuat untuk mencapai keinginan.tersebut sehingga melakukan apa sahaja termasuk jenayah.

Dalam konteks perlakuan jenayah rasuah, halangan-halangan yang dinyatakan Merton itu akan hanya mengalakkan lagi perlakuan jenayah rasuah oleh individu dalam sesebuah masyarakat. Unsur-unsur keinginan untuk hidup mewah, mahu mencapai status dalam masyarakat melalui pengumpulan kekayaan dan sebagainya menjadi faktor pendorong kepada berlakunya jenayah rasuah.

2.3.1.2 Teori Perhubungan Pembeza

Teori ini dikemukakan oleh ahli kriminologi bernama Edwin H. Sutherland. Beliau menjelaskan bahawa individu itu akan mengalami proses sosialisasi asas iaitu satu proses pembelajaran yang boleh mempengaruhinya dalam sebarang kebudayaan (Schmallegger, 1995). Dalam teori ini proses perlakuan menyimpang itu dipelajari berdasarkan kumpulan mana mereka tergolong dan bagaimana individu tersebut belajar dan menerima nilai-nilai yang terdapat dalam kumpulan tersebut. Sutherland menjelaskan bagaimana seorang kanak-kanak yang tinggal dalam suatu kelompok kanak-kanak berdarjah kenakalan yang tinggi, berkemungkinan akan cenderung terlibat dalam kegiatan-kegiatan mereka.

Menurut Schmallegger (1995), terdapat beberapa prinsip yang dikemukakan oleh Sutherland mengenai perlakuan jenayah. Antaranya ialah pertama, tingkahlaku jenayah yang dipelajari dalam interaksi dengan orang lain dalam proses komunikasi. Kedua ialah pembelajaran tingkahlaku wujud di kalangan kumpulan individu yang intim. Ketiga ialah pembelajaran tingkahlaku jenayah termasuk teknik melakukan jenayah adakalanya rumit dan adakalanya mudah dan pembelajaran ini mempunyai arah tujuan spesifik dari segi motif, rasionalisasi dan sikap. Keempat ialah arah tujuan spesifik dari segi motif dipelajari dari persepsi aspek kod undang-undang samada ianya memuaskan atau tidak. Kelima ialah proses mempelajari tingkahlaku jenayah melalui kaitan dengan corak jenayah dan anti jenayah melibatkan semua mekanisme yang ada dalam sebarang pembelajaran yang lain. Akhir sekali beliau menjelaskan bahawa walaupun tingkahlaku jenayah ada suatu petunjuk keperluan am dan nilai-nilai, ia tidak dapat dijelaskan oleh keperluan-keperluan dan nilai tersebut kerana tingkahlaku jenayah adalah petunjuk keperluan nilai yang sama. Berdasarkan teori pembeza tersebut, ianya telah dapat dibuktikan dengan kajian oleh Barker et al. (1973) yang menunjukkan perlakuan jenayah rasuah di kalangan anggota polis berkait rapat dengan individu tersebut mula melakukan

jenayah rasuah melalui pengaruh rakan sekerja yang terlibat dengan jenayah rasuah.

2.3.2 Teori Peneutralan

Matza et al. (1957) mengemukakan teori ini dengan mengaitkan proses menjadi seorang penjenayah sebagai suatu pengalaman yang dipelajari. Teori ini menganggap bahawa individu yang melakukan jenayah akan menyatakan dia tidak bersalah dengan memberikan berbagai alasan. Matza et al. (1957) telah mengemukakan lima teknik peneutralan perlakuan menyimpang yang kerap digunakan oleh pelaku perlakuan menyimpang yang menafikan kesalahannya. Antaranya ialah penafian tanggungjawab dengan memberi alasan-alasan seperti kemiskinan, peluang-peluang kerja yang kurang dan teladan yang tidak baik ditunjukkan oleh orang lain mendorongnya melakukan sesuatu yang tidak baik. Kedua ialah penafian kesalahan yang menganggap kesan tidak serius. Ketiga ialah penafian terhadap mangsa dengan menyalahkan mangsa yang memulakan dulu sehingga menyebabkannya bertindak balas. Keempat ialah menafikan pihak-pihak berkuasa dengan menyatakan pemerintah bersalah dan dituduh melakukan penyelewengan dan keganasan. Kelima ialah merujuk kepada prinsip yang lebih tinggi dengan menyatakan mereka lebih menghormati undang-undang yang ada.

Matza et al. (1957) juga menyatakan kebanyakan penjenayah memegang nilai-nilai dan sikap konvensional. Walau bagaimanapun mereka dapat menguasai teknik-teknik yang membolehkan mereka meneutralkan nilai-nilai tersebut dan terbawa-bawa antara tingkahlaku yang tidak sah dan konvensional dengan mempelajari teknik peneutralan.

Berasaskan teori-teori ini, ianya relevan dengan perlakuan jenayah rasuah apabila dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh Luksetich (1982) yang menyatakan perlakuan jenayah dalam apa jua bentuk termasuk rasuah dipelajari dari persekitaran sosial individu itu sendiri sehingga mengakibatkan individu berkenaan menganggap sesuatu perbuatan itu bukan lagi suatu kesalahan.

Beliau menjelaskan bahawa pengaruh persekitaran dan faktor individu itu sendiri banyak dipengaruhi oleh pelakunya. Faktor individu seperti keadaan ekonomi individu itu seperti alasan kemiskinan, tiada peluang kerja dan sebagainya, jika dikaitkan dengan faktor-faktor tekanan serta cenderung untuk melakukan suatu perbuatan yang tidak bermoral, tidak seharusnya dilakukan. Menurut beliau lagi, seseorang individu akan bertindak melakukan jenayah tertentu termasuk rasuah semata-mata untuk memaksimakan kepuasan dirinya dan sebagai alat untuk memperolehi wang dengan cara mudah dan banyak. Sekiranya individu itu mendapati risiko melakukan perbuatan rasuah rendah,

mereka tidak akan teragak-agak untuk terus melakukan perbuatan jenayah tersebut.

2.4 Kesedaran Membanteras Rasuah

Menurut Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (2005), kesedaran bermaksud keinsafan atau ingatan. Sedar pula bermaksud tahu akan keadaan yang sebenarnya, iaitu tahu, ingat dan insaf. Insaf pula bermaksud faham dan sadar. Ini bermakna seseorang yang mempunyai kesedaran akan bertindak untuk membetulkan keadaan sekiranya sesuatu keadaan itu berada pada kedudukan yang salah. Selain dari membetulkan keadaan, seseorang yang berkesedaran juga pasti akan bertindak secara proaktif dengan mengambil tindakan pencegahan sebelum sesuatu yang tidak diingini itu berlaku.

Menurut Ahmad Khusairi (2010), masyarakat masih belum sedar bahawa perbuatan memberi atau menawarkan suapan rasuah merupakan satu perbuatan jenayah yang serius. Perkara ini berdasarkan statistik tangkapan yang diberikan beliau atas kesalahan menyogok penjawat awam dalam tempoh dua bulan selepas Kempen Perangi Pemberi Rasuah dilancarkan pada 26 April 2010. Secara terperinci statistik tersebut adalah seperti Jadual 2.2 di bawah. Daripada statistik tersebut, beliau membuat kesimpulan bahawa isu berkaitan kesalahan memberi rasuah masih dianggap remeh oleh segolongan besar masyarakat negara ini.

Jadual 2.2***Statistik Tangkapan Kesalahan Menyogok Rasuah***

Jenis Kesalahan	Jumlah Tangkapan
Kesalahan lalu lintas	58
Pendatang asing	38
Pengedaran/Penyalahgunaan dadah	10
Mempercepat proses kerja	10
Untuk menutup kes jenayah	9
Untuk tidak sita kenderaan	7
Lesen perniagaan	6
Selesai kes kecuriaan	3
Pembalakan haram	2
Pengedaran/Penjualan VCD secara haram	1

Sumber: Ahmad Khusairi (2010)

Jadual 2.3 di bawah pula menunjukkan statistik tangkapan yang dibuat oleh pihak SPRM ke atas penjawat awam bagi kesalahan rasuah bermula dari tahun 2007 sehingga 2011. Berdasarkan statistik tangkapan tersebut, boleh dikatakan bahawa amalan rasuah masih berlaku secara berleluasa. Selain itu, statistik tersebut tidak memberikan petunjuk jelas bahawa amalan rasuah semakin berkurangan di kalangan penjawat awam. Secara tidak langsung mencerminkan bahawa tahap kesedaran penjawat awam terhadap bahaya amalan rasuah masih tidak memuaskan.

Jadual 2.3***Statistik Tangkapan Penjawat Awam Atas Kesalahan Rasuah***

Kumpulan	2007	2008	2009	2010	2011*
Pengurusan Tertinggi	2	5	2	8	3
Pengurusan dan Profesional	54	60	29	37	43
Sokongan	247	217	159	248	91
Jumlah	303	282	190	293	137

Sumber: SPRM (2011), * sehingga April 2011.

2.5 Kempen Kesedaran

Dalam meningkatkan kesedaran awam berkaitan rasuah, kempen promosi amat giat dijalankan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya seperti SPRM. Ini adalah kerana promosi merupakan satu daripada mekanisma penting bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap rasuah. Menurut Ratten dan Ratten (2007), promosi merupakan satu bentuk komunikasi yang dilakukan sama ada secara verbal atau bertulis yang menyalurkan sumber maklumat kepada seseorang untuk bertindak. Bagi kajian ini, kempen kesedaran rasuah merujuk kepada bentuk komunikasi agensi kerajaan melalui televisyen, radio, akhbar dan lain-lain lagi yang menyeru masyarakat dan pegawai awam supaya menjauhi amalan rasuah. Oleh sebab kempen promosi didedahkan kepada masyarakat, adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa individu yang terdedah dengan kempen tersebut akan mempunyai tanggapan positif terhadap rasuah. Tanggapan positif ini dijangka dapat mempengaruhi tahap kesedaran mereka terhadap rasuah.

Kajian-kajian terdahulu ada menjelaskan mengenai perkaitan antara pendedahan kempen promosi dengan tahap kesedaran seseorang terhadap sesuatu perkara. Rice dan Bennet (1998) melaporkan bahawa kaedah promosi melalui media dapat meningkatkan kesedaran ke atas sesuatu produk dan perkhidmatan dan ianya akan bertindak sebagai pencetus kepada sesuatu gelagat. Kajian oleh Kaufman (1991) mendedahkan bahawa kekerapan pendedahan media yang tinggi memberi kesan kepada seseorang dalam

proses membuat keputusan. Ratten dan Ratten (2007) pula melaporkan semakin tinggi pendedahan belia kepada media mengenai perbankan melalui telefon bimbit, semakin tinggi niat mereka untuk menggunakan cara perbankan tersebut.

Konsisten dengan laporan-laporan tersebut, kajian ini juga mengandaikan bahawa pendedahan terhadap kempen rasuah di kalangan pegawai TDM mempunyai pengaruh positif terhadap tahap kesedaran mereka mengenai rasuah.

2.6 Penguatkuasaan Undang-Undang

Mengulas tentang kesungguhan kerajaan bertindak membanteras rasuah, Ahmad Khusairi (2010) yang memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat SPRM mengatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang sekiranya dijalankan secara telus akan memberi pengajaran kepada pelaku-pelaku rasuah. Justeru, beliau menyarankan agar tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dilakukan oleh agensi penguatkuasaan di seluruh negara ke atas sarang-sarang pelacuran, pengedar dadah, pusat-pusat hiburan, rumah-rumah urut, kilang-kilang haram, pembalak haram, pencuri pasir dan premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan jenayah.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan pengaruh persepsi seseorang terhadap undang-undang dan penguatkuasaan ke atas gelagat kepatuhan

seseorang. Mohd-Ali (1989) menyatakan bahawa undang-undang dan penguatkuasaan adalah satu daripada cara untuk memastikan seseorang agar mematuhi undang-undang. Ia juga merupakan pengajaran kepada individu yang lain agar turut mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan (Kamil, 2002). Sutinen dan Kuperan (1999) menegaskan bahawa seseorang individu akan mengelak daripada melakukan kesalahan seandainya terdapat hukuman yang dikenakan. Ini menunjukkan bahawa gelagat kepatuhan terhadap sesuatu undang-undang yang dikuatkuasakan akan meningkat jika wujudnya penguatkuasaan.

Beberapa kajian telah menunjukkan kesan penguatkuasaan undang-undang dalam mempengaruhi gelagat perlakuan seseorang. Allingham dan Sandmo (1972) turut menegaskan bahawa aras kepatuhan cukai akan meningkat sekiranya mereka yang tidak membayar cukai dapat dikenal pasti dan dikenakan penalti yang berat. Kajian-kajian lain seperti Klepper dan Nagin (1989) dan Mason dan Calvin (1984) melaporkan perkaitan antara penguatkuasaan undang-undang cukai dengan gelagat kepatuhan.

Pengaruh faktor penguatkuasaan terhadap tahap kesedaran seseorang adalah selari dengan teori cegahan yang diketengahkan dalam bidang percukaian. Teori cegahan menjelaskan bahawa aras kepatuhan seseorang dapat diperbaiki sekiranya undang-undang dan penguatkuasaan dianggap mempunyai kuasa tindakan yang tegas dan penalti yang dikenakan adalah berat. Justeru, tahap kesedaran pegawai TDM akan berada pada tahap yang

tinggi sekiranya ada pihak yang terlibat dengan rasuah dikenakan hukuman dan denda oleh pihak berkuasa.

2.7 Pengetahuan Pegawai

Mohamad Fauzi (2001) dalam kajiannya mendapati bahawa ramai di kalangan penjawat awam tidak memahami secara jelas tentang bentuk kesalahan jenayah rasuah. Ada di kalangan mereka tidak dapat membezakan antara hadiah dan rasuah. Terdapat juga di kalangan mereka yang tidak tahu bahawa perbuatan menerima upah atau saguhati kerana menyelesaikan masalah orang awam dengan cekap dan cepat merupakan satu kesalahan rasuah. Selain itu, beliau juga mendapati masih terdapat penjawat awam yang tidak mengetahui bahawa kegagalan melaporkan kegiatan rasuah yang diketahui merupakan satu kesalahan.

Menurut Mohamad Fauzi (2001) juga, tahap kefahaman penjawat awam terhadap hukuman dan undang-undang kesalahan jenayah rasuah berada di paras sederhana. Manakala SERU (1991) dalam kajiannya mendapati tahap pengetahuan masyarakat mengenai rasuah didapati rendah sehingga menyebabkan usaha membanteras rasuah menjadi sukar.

Faktor pengetahuan seseorang pegawai TDM mengenai rasuah dipercayai merupakan satu daripada faktor dalaman yang dijangka mempengaruhi tahap kesedarannya berkenaan perkara ini. Hal ini kerana kepatuhan kepada sesuatu

undang-undang atau peraturan adalah dikaitkan dengan faktor dalaman seseorang (Sutinen & Kuperan, 1999) dan pengetahuan merupakan prasyarat penting bagi pelaksanaan sesuatu gelagat (Koufaris, 2002). Aras pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pegawai TDM merupakan faktor dalaman yang dapat menentukan sejauhmana mereka mempunyai kawalan ke atas gelagat perlakuan rasuah.

Beberapa laporan dalam kajian-kajian terdahulu mengenai pengaruh pengetahuan terhadap tahap kesedaran dan perlakuan gelagat menyokong andaian yang dibuat. Sebagai contoh, Fallan (1999) dan Hungerford dan Yolk (1990) mendedahkan bahawa pengetahuan yang tinggi mengenai cukai dapat meningkatkan perlakuan seseorang terhadap percukaian. Beberapa kajian yang menggunakan pendidikan sebagai proksi kepada pengetahuan turut melaporkan hubungan positif antara pengetahuan dengan kesediaan untuk bekerjasama dan patuh terhadap undang-undang cukai (Chan, Troutman, & O'Bryan, 2000; Waynerd & Walerud, 1982). Justeru, kajian ini juga menjangkakan bahawa pengetahuan pegawai TDM berkaitan rasuah mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tahap kesedaran mereka mengenai rasuah.

2.8 Sikap Pegawai

Sikap adalah cara seseorang berfikiran atau bergelagat terhadap pihak lain atau terhadap sesuatu perkara (Kamus Oxford, 1989). Ajzen (2005) mendefinisikan sikap sebagai suatu penilaian individu terhadap kesan pelaksanaan sesuatu gelagat. Penilaian tersebut akan menghasilkan dua bentuk kepercayaan, iaitu menguntungkan (*favourable*) atau tidak menguntungkan (*unfavourable*) jika seseorang melakukan gelagat tersebut.

Dalam konteks membanteras rasuah, sekiranya seseorang itu berfikiran bahawa rasuah merupakan perbuatan keji yang memberikan kesan buruk kepada dirinya, keluarganya mahupun negara, maka akan terbentuklah satu sikap yang positif dalam dirinya untuk membanteras amalan rasuah ini. Sebaliknya jika seseorang itu bersifat tamak atau tidak memperdulikan kesan buruk akibat amalan rasuah, maka akan terbentuklah sikap negatif dalam dirinya untuk mengamalkan rasuah dan tidak sensitif terhadap perbuatan rasuah yang memudaratkan itu. Sikap positif dan negatif tersebut sangat berkait rapat dengan soal keimanan seseorang kerana pada dasarnya, penilaian atau persepsi seseorang menunjukkan tahap keimanannya. Persepsi positif menunjukkan keimanan yang tinggi manakala persepsi negatif menunjukkan keimanan yang rendah (Hairunnizam et al., 2005).

Faktor tamak merupakan penyebab utama pegawai kerajaan menerima rasuah (SERU, 1991). Perkara ini disokong oleh dapatan kajian Rohana (1996) yang

mendapati individu yang terlalu inginkan kekayaan dan kemewahan mempunyai dorongan kuat untuk mencapainya sehingga sanggup melakukan apa sahaja termasuk jenayah. Curson (1973) menyatakan bahawa kedudukan kewangan seseorang sangat mempengaruhinya dalam amalan rasuah. Individu yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh kurang cenderung untuk menerima rasuah berbanding dengan individu yang kekurangan sumber kewangan.

Sikap sebahagian besar orang ramai yang tidak mahu memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dalam usaha mencegah rasuah telah menyukarkan usaha-usaha membanteras rasuah. Tanggungjawab masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah juga didapati rendah sehingga menyebabkan usaha membanteras rasuah menjadi sukar (SERU, 1991).

2.9 Nilai Agama dan Moral

Kajian oleh SERU (1991) dan Mohamad Fauzi (2001) masing-masing mendapati bahawa faktor lemahnya pegangan agama dan rendah moral menjadi punca penjawat awam menerima rasuah. Dapatan kajian ini selari dengan penjelasan Al-Quran dan Hadith yang banyak menjelaskan tentang hubungan keimanan dengan akhlak mulia yang mampu mencegah perbuatan keji dan mungkar. Sedangkan tanpa keimanan maka akan bertapaklah sifat keji dalam diri yang akan mendorong manusia melakukan kejahatan (Abu Abdul Halim, 1998).

Justeru, kajian ini menjangkakan bahawa pegawai TDM yang mempunyai nilai pegangan agama dan moral yang tinggi akan mempunyai tahap kesedaran mengenai rasuah yang tinggi. Ini kerana pegangan agama merupakan rangka kerja yang akan mendorong seseorang untuk menilai buruk atau baik sesuatu perlakuan (Magil, 1992). Vitell dan Paolillo (2003) melaporkan bahawa nilai agama seseorang individu akan mempengaruhi kepercayaan etiknya terhadap sesuatu perkara.

2.10 Pengaruh Personal dan Sosial

Syed Husein Alatas (1995) dalam kajiannya mendapati bahawa dalam keadaan di mana kumpulan penjenayah hidup berdampingan dengan birokrasi yang menyeleweng dan rasuah, kumpulan penjenayah tersebut biasanya akan terorganisasi dengan lebih baik dan mampu memanipulasikan birokrasi. Beliau memberikan contoh jenayah rasuah di Indonesia yang telah lama berleluasa dan berakar umbi dalam pentadbiran kerajaan menyebabkan perbuatan rasuah secara senyap-senyap telah mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa. Barker et al. (1973) dalam kajian mereka mengenai jenayah rasuah di kalangan anggota-anggota polis di Amerika Syarikat sekitar tahun 1960 hingga 1972 merumuskan bahawa semangat kekitaan dan norma kerahsiaan telah mengukuhkan perpaduan dan kegiatan rasuah di kalangan anggota polis sehinggakan tiada sesiapa pun di kalangan mereka yang berani melaporkan kegiatan rasuah meskipun ada di antara mereka tidak terlibat

dengan kegiatan tersebut. Dalam erti kata lain, mereka secara terpaksa perlu mematuhi norma kerahsiaan tersebut samada menyukainya ataupun tidak.

Carter (1990) dalam kajiannya mengenai pola perlakuan jenayah rasuah mendapati faktor persekitaran adalah sangat penting dalam mempengaruhi perlakuan jenayah rasuah jabatan polis. Beliau mendapati pengaruh rakan setugas, unsur-unsur kerahsiaan dan perlakuan masyarakat sekeliling menjadi faktor pendorong penglibatan anggota polis dalam amalan rasuah. Apabila terdapat sekurang-kurangnya seorang dalam kumpulan anggota polis yang bertugas menerima rasuah, maka ianya akan mempengaruhi rakan-rakan setugas yang lain. Lama kelamaan perbuatan meminta dan menerima rasuah menjadi perkara biasa dan akan dilakukan pada setiap kali menjalankan tugas. Perkara ini dibukti oleh kajian Mohamad Fauzi (2001) yang mendapati faktor terpengaruh atau terikut-ikut dengan rakan sekerja yang terlibat dengan jenayah rasuah menyebabkan penjawat awam menerima suapan rasuah yang ditawarkan. Beliau juga mendapati bahawa faktor didesak oleh pasangan atau ahli keluarga supaya memberikan layanan istimewa menjadi punca kepada berlakunya rasuah.

Felson (1994) menjelaskan bahawa antara punca yang menyebabkan individu melakukan jenayah rasuah ialah kerana manusia secara moralnya adalah lemah. Justeru mereka memerlukan bantuan dan kerjasama dari masyarakat umum untuk melawan perbuatan tidak bermoral itu. Tanpa bantuan tersebut maka individu itu sukar untuk melawan godaan dan tekanan yang akhirnya

tergadailah prinsip hidupnya apabila unsur godaan berbentuk wang atau barang berharga ditawarkan kepadanya.

2.11 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya telah membincangkan tentang kajian-kajian lepas berhubung amalan jenayah rasuah. Walaupun jenayah rasuah merupakan perbuatan keji yang ditolak masyarakat dan undang-undang negara memperuntukkan hukuman berat bagi pesalah-pesalah rasuah, namun tahap kesedaran masyarakat terhadap bahaya ancaman rasuah belum pernah dikaji. Berdasarkan teori-teori yang dikemukakan, penjenayah rasuah didapati mengambil jalan mudah untuk memenuhi kehendaknya yang tidak pernah terhad dengan cara yang salah. Malahan mereka menggunakan logik akal sendiri untuk menyalahkan pihak lain berbanding dengan yang sepatutnya iaitu menyalahkan diri sendiri. Oleh itu, kesedaran orang ramai dan penjawat awam harus dipupuk supaya membenci dan memerangi rasuah. Kesedaran boleh dipupuk melalui penguatkuasaan undang-undang, program berbentuk kempen kesedaran melalui saluran media massa, pendidikan dan sebagainya. Justeru dapat disimpulkan bahawa faktor kesedaran terhadap bahaya amalan rasuah adalah penting bagi menjauhi diri daripada melakukan perbuatan rasuah sekaligus dapat membanteras jenayah tersebut.

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bahagian ini menerangkan kaedah kajian yang dijalankan meliputi kerangka konseptual, instrumen kajian dan pensampelan. Secara umum kajian ini dilaksanakan secara *nonexperimental* untuk menerangkan perhubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Pendekatan *nonexperimental* ini meliputi analisis deskriptif dan analisis regresi berganda.

3.2 Kerangka Konseptual

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kempen kesedaran rasuah yang dilaksanakan oleh kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, pengetahuan pegawai, sikap pegawai, nilai agama serta moral pegawai dan pengaruh personal serta sosial dengan tahap kesedaran dalam membanteras jenayah rasuah. Tahap kesedaran memerangi jenayah rasuah telah dikenal pasti sebagai pemboleh ubah bersandar, manakala kempen, penguatkuasaan undang-undang, pengetahuan pegawai, sikap pegawai, nilai agama serta moral pegawai dan pengaruh personal serta sosial merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1
Kerangka Konseptual Kajian

3.3 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dibincangkan dalam Bab 1 dan sorotan karya dalam Bab 3, sebanyak enam hipotesis telah dibentuk bagi kajian ini seperti berikut:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.

- H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pegawai dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.
- H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pegawai dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.
- H5: Terdapat hubungan yang signifikan antara pegangan nilai agama dan moral dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.
- H6: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh personal dan sosial dengan tahap kesedaran membanteras rasuah.

3.4 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik. Unit analisis bagi kajian ini adalah individu, iaitu pegawai TDM berpangkat Leftenan Muda, Leftenan, Kapten dan Mejar. Kajian secara deskriptif juga dijalankan bagi membolehkan penyelidik memahami ciri-ciri demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

3.5 Tempoh Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara *cross-sectional*. Pengumpulan data dibuat melalui tinjauan soal selidik yang dilaksanakan sekali sahaja dalam tempoh kajian ini.

3.6 Pengukuran Angkubah

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mengandungi tujuh pemboleh ubah. Pemboleh ubah pertama ialah kesedaran membanteras rasuah yang telah dikenal pasti sebagai pemboleh ubah bersandar. Enam lagi pemboleh ubah ialah kempen membanteras rasuah, penguatkuasaan undang-undang, pengetahuan pegawai, sikap pegawai, nilai agama serta moral pegawai dan pengaruh personal serta sosial yang telah dikenal pasti sebagai pemboleh ubah tidak bersandar.

Instrumen kajian telah diadaptasi daripada SERU, Jabatan Perdana Menteri (dalam Mohamad Fauzi, 2001) dengan sedikit pengubahsuaian untuk menyesuaikan dengan kajian ini. Secara khususnya, terdapat 8 item digunakan untuk mengukur pemboleh ubah tahap kesedaran membanteras rasuah, 4 item untuk mengukur kempen membanteras rasuah, 6 item untuk mengukur penguatkuasaan undang-undang berkaitan rasuah, 6 item untuk mengukur pengetahuan tentang rasuah, 8 item untuk mengukur sikap terhadap rasuah, 8 item untuk mengukur nilai agama dan moral dan 19 item

untuk mengukur pengaruh personal dan sosial. Kesemua item-item ini diukur berdasarkan skala *Likert* 5 mata. Skala dikategorikan kepada skor 1 mata, iaitu bagi kenyataan “sangat tidak setuju” dan seterusnya sehingga “sangat setuju” bagi skor 5 mata.

3.7 Pensampelan

Organisasi TDM terbahagi kepada empat buah Divisyen yang mewakili sektor kawasan tanggungjawab yang telah ditentukan. Pecahan populasi pegawai TDM mengikut Divisyen adalah seperti Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1
Pecahan Populasi Pegawai TDM Mengikut Divisyen

Divisyen dan Kawasan Tanggungjawab	Leftenan Muda/ Leftenan	Kapten	Mejar	Jumlah
Divisyen Pertama (Sabah, Sarawak dan Labuan)	255	476	244	975
Divisyen Kedua (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu)	253	465	240	958
Divisyen Ketiga (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor)	260	479	254	993
Divisyen Keempat (Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Pahang)	250	459	236	945

Sumber: Markas Pemerintahan Medan Tentera Darat, Kuala Lumpur

Dari keseluruhan populasi pegawai TDM dalam jadual di atas yang merangkumi keseluruhan geografi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kaedah *area sampling* digunakan untuk memilih satu kumpulan populasi kajian yang lebih kecil mengikut kawasan geografi sebagai mewakili keseluruhan populasi kajian tanpa menjejaskan sifat-sifat keseluruhan populasi. Hasilnya, kumpulan Divisyen Keempat telah dipilih sebagai kumpulan sasaran kajian.

Pemilihan divisyen ini tidak menjejaskan pengumpulan data kajian kerana secara praktikalnya tempoh perkhidmatan semua pegawai TDM di satu-satu lokasi adalah antara tiga ke empat tahun. Selepas daripada tempoh tersebut mereka akan ditugaskan pula ke lokasi lain. Justeru, dalam tempoh keseluruhan perkhidmatan mereka, setiap pegawai TDM akan sentiasa bertukar tempat berkhidmat serta berpeluang berkhidmat di setiap Divisyen yang telah dinyatakan.

Saiz sampel telah ditetapkan sebanyak 300 responden, iaitu melebihi saiz maksimum sampel bagi populasi 1,000 responden seperti yang dicadangkan oleh Jadual Krejcie dan Morgan (dalam nukilan Sekaran, 2003), iaitu sebanyak 278 responden. Saiz yang lebih besar ini diperlukan bagi mengatasi masalah kemungkinan terdapat borang soal selidik tidak diisi dengan lengkap oleh subjek. Saiz ini juga menepati cadangan petua kasar Roscoe (dalam nukilan Sekaran, 2003) yang menetapkan bahawa ciri-ciri sampel haruslah melebihi 30 tetapi kurang 500 bagi kebanyakan kajian.

Setelah mengenal pasti rangka pensampelan kajian berdasarkan senarai yang diperolehi daripada pihak TDM, maka pemilihan sampel dilakukan secara rawak. Selepas itu borang soal selidik telah dikirimkan oleh pengkaji kepada mereka melalui pegawai tadbir pasukan masing-masing.

3.8 Teknik Analisis

Umumnya, terdapat tiga bentuk analisis data dijalankan dalam kajian ini, iaitu analisis kebolehpercayaan, analisis kesahihan dan analisis regresi. Analisis kebolehpercayaan yang digunakan untuk menilai kedudukan pengukuran pemboleh ubah kajian dijalankan berpandukan kepada nilai alpha sekurang-kurangnya 0.70 atau lebih (Hair, Anderson, Tatham & Black, 2010). Analisis kesahihan adalah berdasarkan nilai *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) yang melebihi 0.50 dan nilai *Barlett Test of Sphericity* (BTOS) yang signifikan, iaitu $p < 0.001$ (Hair et al., 2010). Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahihan yang baik diaplikasi dalam model kajian menggunakan kaedah analisis regresi. Model analisis regresi adalah seperti berikut:

$$Y = b_0 + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + b_5X_5 + b_6X_6$$

di mana,

Y = tahap kesedaran membanteras rasuah

b_0 = intercept (tetap)

b_1X_1 = kempen kesedaran

b_2X_2 = penguatkuasaan

b_3X_3 = pengetahuan

b_4X_4 = sikap

b_5X_5 = nilai agama dan moral

b_6X_6 = pengaruh personal dan sosial

Bagi tujuan ujian signifikan, nilai t setiap pemboleh ubah digunakan sebagai ukuran. Nilai kritikal bagi tahap signifikan pada $p < 0.05$ dan $p < 0.10$ masing-masing ialah 1.96 dan 1.65 (Hair et al., 2010).

3.9 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dilaksanakan terhadap beberapa responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden sebenar untuk menentukan tahap kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*) instrumen soal selidik yang akan digunakan. Ujian kebolehpercayaan terhadap instrumen soal selidik akan menentukan sejauh mana sesuatu instrumen kajian boleh dipercayai tanpa *bias* atau bebas dari kesilapan untuk memastikan pengukuran yang konsisten melangkaui masa dan kepelbagaian item-item dalam instrumen kajian. Ujian kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian dilaksanakan dengan menggunakan kaedah konsistensi dalaman. Kaedah ini akan melihat konsistensi kebolehpercayaan koefisien *cronbach alpha*, bagi menggambarkan sejauh mana item-item

dalam setiap dimensi instrumen kajian mempunyai hubung kait yang positif antara satu sama lain. Kesemua item-item yang digunakan telah melepasi ujian-ujian kebolehpercayaan dan kesahihan di peringkat kajian rintis sebelum diedarkan kepada subjek kajian.

3.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini juga menerangkan tentang kerangka konseptual, hipotesis kajian, reka bentuk kajian, kaedah pensampelan, kaedah pengumpulan data dan kaedah kajian rintis.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Analisis data dibuat setelah soal selidik dikembalikan oleh responden. Sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan kepada subjek. Daripada jumlah tersebut, terdapat hanya 243 borang soal selidik telah dikembalikan. Semua borang soal selidik yang dipulangkan telah diisi dengan sempurna oleh setiap responden dan boleh digunakan untuk tujuan analisis data dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, bab ini mengemukakan hasil dapatan kajian. Keputusan tahap pengaruh dan perkaitan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar diperincikan melalui keputusan ujian regresi yang dilakukan. Analisis di dalam bab ini juga membincangkan maklumat kekerapan dan peratusan maklum balas di dalam taburan faktor demografi. Keputusan faktor demografi yang dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti umur, bangsa, agama, status perkahwinan, pendidikan, pangkat dan tempoh perkhidmatan yang terdapat di dalam TDM.

4.2 Analisis Latar Belakang Responden

4.2.1 Taburan Berkaitan Umur

Taburan umur responden dalam kajian ini dikumpulkan ke dalam julat umur seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.1 di bawah. Julat umur responden bermula daripada umur 20 tahun memandangkan kebanyakan pegawai TDM adalah berumur 20 tahun dan ke atas.

Jadual 4.1
Taburan Umur Responden

Umur	Frekuensi	Peratus
20-25	28	11.5
26-30	108	44.4
31-35	51	21.0
36-40	36	14.8
41 ke atas	20	8.2

Berdasarkan jadual di atas, responden berumur antara 26 ke 30 tahun merupakan jumlah terbesar yang mengambil bahagian dalam kajian ini, iaitu sebanyak 44.4%. Ini diikuti oleh umur antara 31 ke 35 tahun sebanyak 21%, 36 ke 40 tahun sebanyak 14.8%, 20 ke 25 tahun sebanyak 11.5% dan yang paling kecil jumlahnya ialah 41 tahun ke atas, iaitu sebanyak 8.2%.

4.2.2 Taburan Mengikut Bangsa

Taburan responden mengikut bangsa bagi kajian ini ditunjukkan di dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2
Taburan Mengikut Bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	234	96.3
India	2	0.8
Lain-lain	7	2.9

Seperti dalam Jadual 4.2, majoriti responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu (234 responden atau 96.3%). Ini adalah kerana kerjaya sebagai pegawai TDM buat masa ini didominasi oleh kaum Melayu. Jumlah ini diikuti pula oleh responden berbangsa India (0.8%) dan lain-lain bangsa (2.9%).

4.2.3 Taburan Mengikut Agama

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut agama. Seperti yang dapat dilihat, terdapat sebanyak 96.7% responden adalah beragama Islam. Agama Kristian dan Hindu mencatatkan jumlah responden masing-masing seramai 4 orang atau 1.6%.

Jadual 4.3
Taburan Mengikut Agama

Agama	Frekuensi	Peratus
Islam	235	96.7
Kristian	4	1.6
Hindu	4	1.6

4.2.4 Taburan Taraf Perkahwinan

Kebanyakan daripada responden yang menjawab kaji selidik ini adalah dari kalangan yang sudah berumahtangga. Taburannya ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4
Taburan Taraf Perkahwinan

Status	Frekuensi	Peratus
Bujang	49	20.2
Kahwin	193	79.4
Duda/Janda	1	0.4
Jumlah	243	100

Kira-kira 79.4% daripada keseluruhan responden adalah terdiri daripada mereka yang telah berkahwin. Terdapat 20.2% daripada mereka adalah bujang manakala 0.4% responden adalah duda/janda.

4.2.5 Taburan Berkaitan Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan yang diambil kira dalam kajian ini melibatkan tahap pendidikan yang minima dimiliki sehinggalah tahap pendidikan

tertinggi yang boleh dicapai oleh responden pada peringkat pegawai TDM selama tempoh berkhidmat. Tahap pendidikan ini telah dibahagikan kepada empat kumpulan julat seperti di dalam Jadual 4.5 di bawah.

Jadual 4.5
Taburan Tahap Pendidikan

Pendidikan	Frekuensi	Peratus
SPM/STPM	18	7.4
Diploma	81	33.3
Ijazah	143	58.8
PhD	1	0.4

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 58.8% responden mempunyai tahap akademik pada peringkat Ijazah dan mendominasi keseluruhan jumlah taburan mengikut tahap pendidikan. Ini diikuti dengan 33.3% responden yang mempunyai pendidikan peringkat diploma manakala 7.4% daripada mereka berkeputusan SPM/STPM dan 0.4% memiliki tahap pendidikan pada peringkat PhD.

4.2.6 Taburan Mengikut Pangkat

Jadual 4.6 menunjukkan peratus dan kekerapan bagi responden mengikut pangkat. Kebanyakan daripada responden kajian ini adalah berpangkat Kapten manakala selebihnya berpangkat Mejar dan Leftenan serta Leftenan Muda. Terdapat kira-kira 77.4% responden adalah mereka yang berpangkat Kapten, manakala 19.3% adalah

mereka yang berpangkat Mejar. Responden yang terdiri daripada Leftenan Muda atau Leftenan adalah sebanyak 3.3%.

Jadual 4.6
Taburan Mengikut Pangkat

Pangkat	Frekuensi	Peratus
Leftenan Muda/Leftenen	8	3.3
Kapten	188	77.4
Mejar	47	19.3

4.2.7 Taburan Mengikut Tempoh Perkhidmatan

Taburan mengikut maklumat tempoh perkhidmatan responden telah dikumpulkan dalam empat julat kumpulan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.7 di bawah. Sebanyak 47.8% responden adalah terdiri daripada pegawai TDM yang telah berkhidmat dari 6 ke 10 tahun dan merupakan jumlah responden yang terbesar dalam kajian ini. 21% responden lagi adalah pegawai yang baru berkhidmat selama setahun ke lima tahun. Responden yang telah berkhidmat selama lebih 16 tahun ke atas adalah mewakili 16%, manakala 15.2% responden adalah pegawai yang telah berkhidmat antara 11 ke 15 tahun.

Jadual 4.7
Taburan Berkaitan Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Khidmat	Frekuensi	Peratus
1-5 tahun	51	21.0
6-10 tahun	116	47.8
11-15 tahun	37	15.2
16 tahun ke atas	39	16.0

4.3 Kebolehpercayaan, Kesahihan dan Andaian-Andaian Multivariat

Tahap kebolehpercayaan dan kesahihan bagi setiap pemboleh ubah dalam kajian ini dilaporkan dalam Jadual 4.8 dan Jadual 4.9 seperti berikut. Secara keseluruhannya, pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini mempunyai kedudukan kebolehpercayaan dan kesahihan yang baik. Bagi tahap kebolehpercayaan, semua pemboleh ubah telah mencapai kedudukan nilai *cronbach alpha* sekurang-kurang 0.60 dan ke atas. Kedudukan ini adalah selari dengan saranan Hair et al. (2010). Bagi kedudukan kesahihan pula, setiap pemboleh ubah mempunyai nilai KMO lebih daripada 0.50 dan BTOS signifikan. Ini mengukuhkan lagi dakwaan bahawa setiap pemboleh ubah mempunyai tahap kesahihan yang memuaskan seperti saranan Hair et al. (2010).

Jadual 4.8

Analisis Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah (N=243)

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>
Tahap Kesedaran	5	0.67
Kempen	4	0.92
Penguatkuasaan	5	0.83
Pengetahuan	4	0.74
Sikap	8	0.88
Agama	4	0.83
Pengaruh Personal/Sosial	12	0.87

Jadual 4.9***Analisis Kesahihan Pemboleh Ubah (N=243)***

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Nilai KMO	BTOS
Tahap Kesedaran	5	0.72	0.000
Kempen	4	0.82	0.000
Penguatkuasaan	5	0.75	0.000
Pengetahuan	4	0.75	0.000
Sikap	8	0.85	0.000
Agama	4	0.73	0.000
Pengaruh Personal/Sosial	12	0.87	0.000

Selain itu, setiap pemboleh ubah turut diuji bagi memastikan ia mempunyai kedudukan andaian-andaian multivariat yang memuaskan. Bagi tujuan ini, dua analisis dilaksanakan, iaitu analisis kenormalan data dan analisis kemultikolinearitan. Bagi analisis kenormalan, nilai *skewness* dan *kurtosis* digunakan. Secara keseluruhannya, data dalam kajian ini adalah normal apabila mencatatkan nilai *skewness* dan *kurtosis* kurang daripada ± 2.58 . Hal ini adalah sejajar dengan saranan Hair et al. (2010). Bagi analisis multikolineariti pula, analisis korelasi pearson digunakan. Hasil analisis menunjukkan bahawa setiap pemboleh ubah berhubung secara signifikan dan hubungan tersebut adalah tidak melebihi nilai 0.80 seperti yang disaran oleh Hair et al. (2010). Kedudukan ini mengesahkan bahawa pemboleh ubah adalah bebas daripada masalah multikolineariti yang serius.

4.4 Tahap Pengaruh Pemboleh Ubah

Ujian tahap ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pendapat dan pandangan responden terhadap maksud soalan dalam pemboleh

ubah dan sekali gus mengetahui secara mudah maklum balas daripada mereka berdasarkan skor peratusan. Kesemua maklum balas responden telah dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu rendah, sederhana dan tinggi mengikut perkiraan penentuan tahap bagi setiap pemboleh ubah.

4.5 Tahap Kesedaran

Jadual 4.10 menunjukkan tahap kesedaran pegawai TDM dalam membanteras jenayah rasuah yang dinilai menerusi item-item dalam pemboleh ubah kesedaran di mana 22 responden atau 9.1% berada pada pencapaian rendah dan 61 responden atau bersamaan 25.1% mencapai tahap sederhana. Manakala bilangan terbesar dengan 160 responden atau 65.8% berada pada tahap kesedaran yang tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pegawai TDM mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap usaha membanteras jenayah rasuah.

Jadual 4.10
Tahap Kesedaran Responden Membanteras Rasuah

Tahap Kesedaran	Nilai	Frekuensi	Peratus
Rendah	1.80 – 2.87	22	9.1
Sederhana	2.88 – 3.95	61	25.1
Tinggi	3.96 – 5.00	160	65.8

4.6 Tahap Hubungan antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar

Tahap hubungan diperiksa dengan menggunakan teknik analisis regresi berganda yang menggabungkan lima pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Tahap pengaruh ini dilihat dari hasil keputusan ujian dari nilai adjusted *R square* dan ditukarkan kepada peratusan untuk menjadikan nilai tersebut sebagai peratusan faktor yang mempengaruhi terhadap pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan Jadual 4.11 di bawah, model ini menerangkan 14.8 % variasi disebabkan oleh pengaruh kelima-lima pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Kelima-lima pemboleh ubah bebas secara gabungan memberikan nilai mempengaruhi yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar apabila nilai yang didapati adalah 0.00, iaitu kurang dari 0.05.

Jadual 4.11
Keputusan Ujian Regresi Berganda Terhadap Pemboleh Ubah

Model	R	R Square	Adjusted R Square
1	.407 ^a	.166	.148

Nota: nilai F=9.407, sig. 0.000

Jadual 4.12 pula menunjukkan keputusan ujian regresi berganda. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua faktor yang didapati signifikan mempengaruhi tahap kesedaran pegawai TDM mengenai rasuah. Faktor yang dimaksudkan ialah faktor sikap, iaitu wujudnya perkaitan positif menyokong

hipotesis H4 dengan kedudukan koefisien adalah signifikan pada tahap $p < 0.001$. Faktor kedua ialah faktor agama dan moral yang mempengaruhi tahap kesedaran rasuah secara positif. Hal ini menyokong hipotesis H5 apabila nilai koefisiennya adalah signifikan pada tahap $p < 0.05$. Faktor-faktor lain seperti kempen, pengetahuan dan pengaruh sosial didapati tidak signifikan dalam menentukan tahap kesedaran rasuah pegawai TDM.

Jadual 4.12
Analisis Regresi Berganda (N=243)

	Koefisien tidak terpiawai		Koefisien piawai	<i>t</i>	Signifikan
	B	Ralat piawai	Beta	B	Ralat piawai
(Tetap)	5.845	2.235		2.615	0.010
Kempen	-,064	,090	-,063	-,718	,473
Pengetahuan	-,013	,094	-,010	-,138	,890
Sikap	,230	,065	,293	3,565	,000*
Agama/ Moral	,096	,048	,164	1,996	,047**
Pengaruh Peribadi	,114	,126	,067	,906	,366

Nota: *Signifikan pada $p < 0.001$, **Signifikan pada $p < 0.05$

4.7 Kesimpulan

Berdasarkan hasil ujian dan pemeriksaan yang dijalankan dapatlah disimpulkan bahawa hanya dua faktor pemboleh ubah bebas, iaitu sikap serta nilai agama dan moral mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pemboleh ubah tahap kesedaran. Faktor seperti kempen, pengetahuan, dan pengaruh peribadi dan sosial tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pemboleh ubah kesedaran. Walaupun begitu tahap kekuatan

hubungan pemboleh ubah bebas ini berbeza-beza di mana sikap lebih besar berbanding nilai agama dan moral terhadap kesedaran. Pemeriksaan ke atas pengaruh di antara pemboleh ubah juga menunjukkan tahap pengaruh pemboleh ubah berada pada tahap rendah walaupun mempunyai nilai signifikan yang agak tinggi.

BAB 5

PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hasil kajian serta cadangan berdasarkan penemuan kajian dan cadangan untuk kajian pada masa akan datang. Hasil kajian menyentuh tentang keputusan setiap ujian yang dilaksanakan dalam analisis data dan diikuti oleh rumusan terhadapnya. Selanjutnya beberapa cadangan dikemukakan untuk perhatian dan pertimbangan pihak TDM khasnya dan perkhidmatan awam amnya.

5.2 Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang dipilih bagi kajian ini dengan tahap kesedaran pegawai TDM dalam membanteras jenayah rasuah. Dalam kajian ini, didapati faktor sikap pegawai mempunyai hubungan paling kuat dengan tahap kesedaran mereka untuk berusaha membanteras jenayah rasuah. Umumnya, sikap merupakan petunjuk utama kesediaan pegawai TDM untuk bersama kerajaan dalam membanteras jenayah rasuah. Ini diikuti oleh faktor nilai agama serta moral pegawai. Justeru, kedua-dua faktor ini iaitu sikap dan nilai agama serta moral pegawai wajar diberikan perhatian serius jika ingin menjayakan usaha kerajaan dalam membanteras jenayah rasuah dalam

konteks organisasi TDM. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa sejumlah besar pegawai mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang bahaya rasuah dan pentingnya usaha bagi membanteras jenayah ini.

5.2.1 Tahap Kesedaran Pegawai

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membanteras rasuah. Antara elemen-elemen yang digunakan bagi mengukur tahap kesedaran ini adalah melihat rasuah sebagai jenayah berat yang boleh menghancurkan negara. Selain itu, rasuah memberikan kesan buruk terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat di samping merupakan kesalahan serius di sisi agama dan undang-undang negara. Elemen lain dalam mengukur tahap kesedaran ini turut melibatkan kesediaan melaporkan perbuatan rasuah tanpa melihatnya sebagai perbuatan yang akan menyusahkan orang lain mahupun bimbang akan tindakan membalas dendam oleh orang yang dilaporkan dan kesediaan menjadi saksi di mahkamah.

5.2.2 Sikap Pegawai

Berdasarkan hasil daripada ujian yang telah dilakukan, sikap mempengaruhi secara signifikan terhadap tahap kesedaran rasuah. Sikap juga adalah faktor yang paling kuat terhadap tahap kesedaran.

Pegawai-pegawai TDM dilihat mempunyai sikap yang positif dalam membantu kerajaan membanteras jenayah rasuah. Mereka dilihat bersedia memberikan kerjasama kepada pihak atau agensi penguatkuasaan seperti SPRM dari segi memberi maklumat atau melaporkan mengenai perbuatan rasuah oleh pihak-pihak yang terbabit. Mereka juga didapati bersedia menasihati rakan-rakan atau sesiapa sahaja yang mereka kenali supaya tidak melibatkan diri dalam jenayah rasuah dan bersedia untuk menjadi saksi dalam kes rasuah di mahkamah.

5.2.3 Nilai Agama dan Moral Pegawai

Berdasarkan hasil kepada ujian yang telah dilakukan, faktor nilai agama dan moral mempengaruhi tahap kesedaran secara signifikan. Rasuah dari kaca mata pegawai-pegawai TDM adalah merupakan satu perbuatan keji dan berdosa. Didikan dan amalan agama dalam kehidupan harian dilihat membantu mereka untuk menjauhi amalan rasuah. Keyakinan yang kuat tentang balasan tuhan terhadap perasuah dalam konteks amalan beragama dilihat membantu mereka untuk melakukan amalan yang baik serta menjauhi amalan yang buruk dan salah.

5.3 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu untuk mendapatkan kefahaman tentang tahap kesedaran pegawai TDM terhadap usaha kerajaan membanteras rasuah di samping menguji kekuatan hubungan antara kempen kesedaran, penguatkuasaan undang-undang rasuah, pengetahuan, sikap, nilai agama serta moral dan pengaruh personal serta sosial dengan tahap kesedaran membanteras rasuah di kalangan pegawai TDM.

Kajian ini membuktikan bahawa majoriti pegawai TDM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk bersama-sama bagi berusaha membanteras jenayah rasuah. Mereka sangat sedar bahawa rasuah merupakan ancaman berbahaya kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Secara amnya, faktor-faktor yang diuji bagi mengetahui kekuatan hubungannya dengan tahap kesedaran pegawai TDM terhadap usaha membanteras rasuah telah menunjukkan nilai mempengaruhi yang signifikan. Faktor sikap pegawai dan nilai agama serta moral pada diri pegawai TDM merupakan dua faktor yang mempunyai pengaruh tertinggi terhadap tahap kesedaran mereka itu. Secara tidak langsung, kajian ini berjaya membuktikan bahawa kempen kesedaran tentang bahaya rasuah yang dilakukan oleh kerajaan, penguatkuasaan undang-undang rasuah oleh agensi-agensi penguatkuasaan terlibat, pengetahuan pegawai tentang rasuah, sikap pegawai

terhadap amalan rasuah, nilai agama serta moral yang ada pada diri pegawai dan pengaruh personal serta sosial seperti yang dibincangkan dalam Bab 2 mempunyai pengaruh tersendiri terhadap tahap kesedaran membanteras jenayah rasuah. Walau bagaimanapun, tahap pengaruh tersebut adalah berbeza-beza dari segi kekuatannya.

5.4 Cadangan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, beberapa langkah boleh diambil oleh TDM bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran para pegawainya terhadap kepentingan pengembelian tenaga dan fikiran untuk membanteras jenayah rasuah dalam organisasi ini. Langkah-langkah ini sangat penting dan wajar diberi perhatian serius supaya pegawai-pegawai yang menganggotai organisasi ini benar-benar berintegriti dan terdiri daripada mereka-mereka yang benar-benar ikhlas dalam memastikan organisasi TDM terus maju ke hadapan dalam mengejar keunggulannya serta terus dipandang tinggi dan berwibawa pada kaca mata rakyat negara ini mahupun dari negara-negara luar. Beberapa cadangan untuk pertimbangan pelaksanaannya adalah seperti berikut:

a. Memperkasakan Integriti Di Kalangan Pegawai

Integriti adalah persoalan sikap, tingkahlaku, kelakuan, tindakan, perwatakan dan sebagainya yang baik dari semua segi. Maksud

integriti mengikut Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (2005) adalah kejujuran dan ketulusan. Daripada maksud tersebut dapatlah dikatakan bahawa integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berprinsip dan sifat-sifat lain yang murni dan baik.

Dalam soal sikap, adalah tidak dapat dinafikan bahawa bagi mengubah sikap seseorang bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak mustahil untuk sikap seseorang itu berubah. Pembentukan atau perubahan sikap untuk menjadi baik, lebih baik atau positif pastinya memerlukan masa serta tindakan yang bersesuaian kerana perubahan sikap individu tidak mampu untuk dipaksa supaya berlaku. Sebaliknya perubahan sikap adalah lebih kepada kesediaan dan kerelaan individu untuk berubah berdasarkan kepada kesedaran yang wujud dalam dirinya. Oleh itu, pendedahan yang berterusan kepada persekitaran organisasi yang baik adalah sangat penting kerana kaedah ini boleh membantu membentuk sikap positif ahli-ahli kepada organisasi tersebut.

Begitu juga halnya dengan TDM. TDM perlu terus mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif untuk pegawai-pegawainya. Persekitaran kerja yang kondusif boleh dilahirkan melalui amalan perhubungan atau komunikasi yang harmoni antara pegawai atasan dengan pegawai peringkat pertengahan dan bawahan dalam TDM.

Hubungan yang baik dan mantap antara mereka sangat penting demi memastikan keselamatan dan kebajikan setiap pegawai terpelihara dan secara tidak langsung akan melonjakkan produktiviti organisasi TDM. Apabila berlakunya komunikasi yang berkesan dalam organisasi TDM, maka akan lebih mudah untuk diserapkan nilai-nilai murni dan jati diri kepada pegawai-pegawai dalam organisasi ini. Komunikasi atau perhubungan yang berkesan juga mampu menyelesaikan masalah organisasi secara lebih cepat dan berkesan. Sebarang masalah yang berlaku dalam organisasi akan lebih mudah dan cepat dikesan apabila komunikasi berkesan diamalkan dalam organisasi.

Selain berusaha membentuk sikap yang positif di kalangan pegawai-pegawainya, TDM juga harus memberikan penekanan kepada usaha mengawal gelagat dan tingkahlaku pegawai-pegawainya secara berterusan. Kawalan gelagat dan tingkahlaku ini boleh dilakukan dengan pematuhan kepada prosedur dan sistem sedia ada yang telah pun digunakan oleh TDM. Pematuhan kepada prosedur dan sistem sedia ada ini sangat penting demi mengelakkan kepincangan urustadbir daripada berlaku. Pemantauan dan pemeriksaan oleh pemimpin mahupun pihak yang dipertanggungjawabkan seperti pihak audit dalam dan audit luar terhadap pematuhan ini haruslah dilakukan secara berterusan bagi mengelakkan sebarang salah laku dalam urustadbir, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan terhadap sumber. Di samping itu, sekiranya terdapat sebarang kelemahan

kepada prosedur atau sistem yang telah dikenalpasti, maka tindakan pembetulan atau penambahbaikan hendaklah dilakukan segera.

Akhirnya, para pemimpin di semua peringkat dalam TDM mestilah berperanan dalam memantau setiap perjalanan program dan aktiviti pasukan-pasukan di bawah naungan masing-masing secara gigih dan ikhlas serta menunjukkan contoh tauladan yang terbaik kepada semua pihak yang berada di bawah pimpinan mereka pada sebarang masa dan keadaan.

b. Memperkasakan Aspek Kerohanian

Penerapan nilai-nilai murni ke dalam diri setiap pegawai mesti dilakukan secara berterusan. Nilai-nilai murni yang dimaksudkan adalah dari aspek pemilikan akhlak mulia dan moral yang tinggi. Sekiranya setiap dari mereka telah menjiwai nilai-nilai murni tersebut, maka akan lahir sebuah organisasi TDM yang benar-benar unggul dan bermaruah. Untuk memastikan perkara ini dapat direalisasikan, maka amalan agama mesti menjadi keutamaan dan teras kepada kehidupan setiap pegawai TDM.

Ikrar Kesatria yang diikrarkan oleh setiap pegawai TDM semasa hari pertama mereka menyertai organisasi ini dengan jelas memberi gambaran bahawa aspek keagamaan merupakan perkara utama yang

ditekankan oleh organisasi ini. Ia terbukti apabila pernyataan “Beriman kepada Tuhan dan bertakwa kepadaNya” merupakan yang pertama sekali diikrarkan oleh setiap dari mereka. Iman yang bermaksud yakin dan percaya kepada Tuhan akan menjadikan setiap insan sentiasa tunduk kepada perintah Tuhannya dengan mempertutur serta memperlakukan segala suruhan dan meninggalkan apa jua laranganNya.

Justeru penghayatan agama yang mendalam melalui program-program agama yang dilakukan samada secara harian, mingguan, bulanan atau sebagainya seperti solat berjemaah, qiamullail, sesi syarahan atau pembelajaran, kajian agama dan sebagainya akan memungkinkan pembinaan akhlak dan moral terpuji di kalangan pegawai TDM. Penekanan terhadap aspek keagamaan ini sangat penting kerana segala hal berhubung soal kehidupan manusia sama ada dari segi pekerjaannya, pergaulan sosialnya, pengurusan ekonominya atau sebagainya yang disandarkan kepada agama akan lebih mudah untuk diaplikasikan. Ini termasuklah dalam memudahkan pengamalan etika kerja yang digariskan untuk ATM yang menekankan kepada soal taat setia kepada negara, berdisiplin dalam mengawal diri dan mematuhi arahan, bersemangat juang yang kental, amanah dalam memikul tugas dan tanggungjawab yang diberi, profesional dalam melaksanakan tugas di bidang masing-masing, berkepimpinan dalam menerajui aspek pengurusan operasi, sumber manusia, aset dan pentadbiran,

sentiasa bekerjasama dalam satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama, mengamalkan cara hidup berlandaskan agama serta menjaga kebajikan dan mengambil berat hal ehwal individu.

Dalam soal memperkasakan aspek kerohanian ini, ia memerlukan iltizam yang tinggi dari para pemimpin. Pemimpin mestilah berperanan memastikan aspek ini dilaksanakan secara berterusan di samping menunjukkan contoh tauladan yang terbaik kepada semua pegawai dan anggota di bawah pimpinan mereka. Selain itu, demi memastikan TDM sentiasa dipimpin oleh pegawai yang benar-benar ikhlas dan beriltizam tinggi untuk merealisasikan penghayatan agama dalam kehidupan serta amalan kerja oleh pegawai-pegawainya, maka pemilihan pegawai bagi memegang jawatan penting serta kenaikan pangkat dalam TDM hendaklah turut mengambil kira nilai moral dan tahap integriti yang dimiliki oleh seseorang pegawai itu.

5.5 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Persoalan integriti khususnya dalam hal amalan rasuah di kalangan penjawat awam di negara ini sememangnya sentiasa menjadi perhatian ramai. Ini kerana rasuah telah diiktiraf sebagai satu penyakit sosial yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu oleh semua pihak dan tidak boleh dibiarkan hanya kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang sahaja untuk menanganinya. Walaupun banyak pihak mulai sedar tentang ancaman rasuah

terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran negara, namun isu rasuah masih terus membelenggu negara ini. Justeru beberapa kajian lanjut perlu dilakukan untuk mencari jawapan mengenainya.

Memandangkan kajian ini hanya untuk mendapat kefahaman tentang tahap kesedaran pegawai-pegawai TDM terhadap usaha membanteras jenayah rasuah serta mengetahui tahap kekuatan pengaruh beberapa faktor yang telah dibincangkan dalam kajian ini dengan tahap kesedaran membanteras jenayah rasuah dalam konteks TDM, maka antara cadangan untuk kajian akan datang yang ingin disyorkan adalah seperti berikut:

- a. Kajian mengenai tahap kesedaran membanteras jenayah rasuah di organisasi perkhidmatan awam lain.
- b. Faktor-faktor yang menyebabkan jenayah rasuah terus menjadi belengu walaupun program transformasi kerajaan telah dilaksanakan.

5.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang hasil yang diperolehi daripada kajian yang telah dilaksanakan ke atas pegawai-pegawai TDM berhubung kesedaran mereka untuk membanteras jenayah rasuah. Rumusan kajian turut dibincangkan bagi membuat kesimpulan terhadap hasil kajian yang diperolehi. Ini diikuti oleh pengemukaan beberapa cadangan bagi

meningkatkan lagi tahap kesedaran pegawai TDM untuk membanteras jenayah rasuah ini. Cadangan-cadangan bagi kajian akan datang turut diberikan berdasarkan kepada limitasi yang dihadapi dalam kajian ini yang hanya tertumpu kepada organisasi TDM sahaja.

Bibliografi

- Abu Abdul Halim Ahmad (1998). *Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Ahmad Khusairi Yahaya (2010). *Kesedaran Rasuah Rendah*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, Personality and Behaviour* (2nd ed.). New York: Open University Press.
- Allingham, M. G., & Sandmo, A. (1972). Income Tax Evasion: A Theoretical Analysis. *Journal of Public Economics*, 1(3/4), 323-328.
- Barker, T. & Roebuck, T. (1973). *An Empirical Typology of Police Corruption*. Springfield Illionois: Charles C. Thomas.
- Carter, D. L. (1990). Drug Related Corruption of Police Corruption. *Journal of Criminal Justice*, 18.
- Chan, C. W., Troutman, C. S., & O'Bryan, D. (2000). An Expanded Model of Taxpayer Compliance: Empirical Evidence from the United States and Hong Kong. *Journal of International Accounting, Auditing & Taxation*, 9(2), 83-103.
- Curson, L. B. (1973). *Criminal Law*. London: Mac Donald and Eva. Ltd.
- Fallan, L. (1999). Gender, Exposure to Tax Knowledge and Attitudes Towards Taxation: An Experimental Approach. *Jounal of Business Ethics*, 18(2), 173-184.
- Felson, M. (1994). *Crime and Everyday Life - Insights and Implications For Society*. California: Fire Forge Press.
- Gupta, S., Davoodi, H. & Terme, R. A. (2002), Does Corruption Affect Income Inequality and Poverty? *Economics of Governance @ Springer-Verlag*, 3, 23-45.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2010). *Multivariate Data Analysis* (6th. ed.). New Jersey: Pearson International Edition.

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor (2005). *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia. Dalam Pascasidang Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*, Disunting oleh Abu Sufian *et al.* Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Hungerford, H. R., & York, T. L. (1990). Changing Learner Behavior Through Environmental Education. *The Journal of Environmental Education*, 21(3), 8-21.
- Jabatan Perdana Menteri (2010). *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*. Putrajaya.
- Jabatan Perdana Menteri (2011). *Program Transformasi Kerajaan: Laporan Tahunan 2010*. Putrajaya.
- Jamaludin Mustaffa (1997). *Jenayah Rogol Di Negeri Kedah: Satu Kajian Kes Ke Atas Penjenayah/Banduan Di Penjara Alor Setar, Kedah*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Jamil Mohd Dahalan (2010). *Program Pencegahan Rasuah dalam SPRM*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamil, M. I. (2002). *Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan Negeri Kedah*. Tesis Phd. Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Kamus Dewan. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Komprehensif Bahasa Melayu. Oxford Fajar. (2005). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kaufman, C. (1991). Coupon Use in Ethnic Markets: Implications from a Retail Perspective. *Journal of Consumer Marketing*, 8(1), 41-51.
- Klepper, S., & Nagin, D. (1989). Tax Compliance and Perceptions of the Risks of Detection and Criminal Prosecution. *Law & Society Review*, 23(2), 209-240.
- Koufaris, M. (2002). Applying the Acceptance Technology Model and Flow Theory to Online Consumer Behavior. *Information Systems Research*, 13(2), 205-223.
- Luksetich, W. A. (1982). *Crime and Public Policy: An Economic Approach*. Toronto: Little, Brown & Co.
- Marshall, W. L & Clark, W. L. (1960). *Legal Definition of Crime and Criminal*, N-4: John Wiley and Sons Inc.

- Mason, R., & Calvin, L. D. (1984). Public Confidence and Admitted Tax Evasion. *National Tax Journal*, 37(4), 489-496.
- Matza, D. & Sykes, G. (1957). *Technique of Neutralization: A Theories of Neutralization*. American Socioloical Review 22.
- Mohamad Fauzi (2001). *Jenayah Rasuah Di Agensi Penguatkuasa Undang-Undang Di Malaysia: Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam Di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd-Ali, B. (1989). Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian kepada Enakmen Negeri-Negeri Di Malaysia. In B. Mohd-Ali (Ed.), *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-Undang dan Taksiran* (pp. 29-53). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Nigam, R.C. (1965). *Law of Crime in India*. Bombay: Asia Publishing House.
- Nor Yatimah Yamin. (2010). *Peranan dan Fungsi Penggerak Etika: Kajian Kes Khusus kepada Memerangi Rasuah*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary (4th ed.) (1989). Oxford University Press.
- Ratten, V., & Ratten, H. (2007). Social Cognitive Theory in Technological Innovations. *European Journal of Innovation Management*, 10(1), 90-108.
- Rice, B., & Bennet, R. (1998). The Relationship between Brand Usage and Advertising Tracking Measurements: International Findings. *Journal of Advertising Research*, 38(3), 58-66.
- Rohana Yusof (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh Abbas (1980). *Constitution, Law and Judiciary*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schmallegger, F. (1995). *Criminal Justice Today*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business, A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Siegal, L. J. (1992). *Criminology: Theories, Patterns and Typologies*. Minnesota: New Publishing Company.
- Sutinen, J. G., & Kuperan, K. (1999). A Socioeconomic Theory of Regulatory Compliance. *International Journal of Social Economics*, 26(1,2,3), 174-193.

Syed Husein Alatas (1995). *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Vitell, S. J., & Paolillo, J. G. P. (2003). Consumer Ethics: The Role of Religiosity. *Journal of Business Ethics*, 46(2), 151-162.

Waynerd, K. E., & Walerud, B. (1982). Taxes and Economic Behavior: Some Interview Data on Tax Evasion in Sweden. *Journal of Economic Psychology*, 2, 187-211.

William, E. H & Freeman, J. C. (1971). *Crime and Its Origin*. New York.

Laporan/Kertas Kerja

Biro Penyelidikan dan Perundingan UKM. (1991). Laporan Kajian Kekesanan Rasuah Ke Atas Sosiopsikologi Pegawai dan Orang Awam yang Terlibat. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ramli Karim. (1998). Rasuah Polis - PDRM Sebagai Satu Kes Pengajian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) (1991). Laporan Kajian Tentang Pengetahuan, Sikap dan Nilai Terhadap Rasuah. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Akta-Akta

Akta Kastam 1967 (Akta 235).

Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Akta 5).

Akta Keterangan 1950 (Akta 56).

Akta Polis 1967 (Akta 344).

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Kanun Keseksaan (Akta 574).

Keratan Akhbar

Utusan Malaysia, 8 April 2011.

Utusan Malaysia, 1 April 2011.

LAMPIRAN A

SOALAN KAJI SELIDIK



**KOLEJ PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN TENTANG

**“FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN MEMBANTERAS
JENAYAH RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI TENTERA DARAT”**

Assalamuallaikum dan salam sejahtera,

Tuan/Puan yang dihormati,

Dengan segala hormatnya, saya ingin memohon kerjasama dari Tuan/Puan untuk menjawab semua soalan dalam borang soal selidik yang disediakan ini dengan jujur dan ikhlas bagi menjayakan kajian saya untuk tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas Tuan/Puan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran membanteras jenayah rasuah di kalangan pegawai Tentera Darat Malaysia. Segala maklumat yang diberi oleh Tuan/Puan akan dirahsiakan dan tidak akan digunakan untuk sebarang tujuan lain selain untuk kajian ini semata-mata. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan boleh berhubung dengan saya melalui telefon di nombor 019-4731738 atau melalui emel di alamat mejsukri72@yahoo.com. Kerjasama Tuan/Puan untuk menjawab soalan kaji selidik ini amatlah saya hargai, dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang Benar

MEJAR SUKRI BIN BAKAR

Penuntut Kursus Sarjana Sains (Pengurusan)

Universiti Utara Malaysia

**SOAL SELIDIK KAJIAN TENTANG FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI KESEDARAN MEMBANTERAS JENAYAH
RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI TENTERA DARAT**

BAHAGIAN A – MAKLUMAT RESPONDEN

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada kotak yang berkaitan dengan maklumat tentang diri anda.

1. Umur:	20 - 25 tahun	☐
	26 - 30 tahun	☐
	31 - 35 tahun	☐
	36 - 40 tahun	☐
	41 tahun ke atas	☐
2. Bangsa:	Melayu	☐
	Cina	☐
	India	☐
	Lain-lain	☐
3. Agama:	Islam	☐
	Kristian	☐
	Budha	☐
	Hindu	☐
	Lain-lain	☐
4. Taraf Perkahwinan:	Bujang	☐
	Kahwin	☐
	Duda/Janda	☐
5. Taraf Pendidikan:	SPM/STPM	☐
	Diploma	☐
	Ijazah	☐
	PhD	☐
6. Pangkat:	Leftenan Muda	☐
	Leftenan	☐
	Kapten	☐
	Mejar	☐
7. Tempoh Perkhidmatan:	1 - 5 tahun	☐
	6 - 10 tahun	☐
	11 - 15 tahun	☐
	16 tahun ke atas	☐

BAHAGIAN B – TAHAP KESEDARAN UNTUK MEMBANTERAS RASUAH

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>			<i>Sangat Setuju</i>	
1.	Rasuah merupakan jenayah yang boleh menghancurkan negara.	1	2	3	4	5
2.	Melaporkan perbuatan rasuah hanya akan menyusahkan orang lain.	1	2	3	4	5
3.	Saya tidak sanggup melaporkan perbuatan rasuah yang melibatkan rakan atau ketua saya.	1	2	3	4	5
4.	Saya bimbang orang yang dilaporkan rasuah membalas dendam kepada saya.	1	2	3	4	5
5.	Saya tidak mahu menjadi saksi di mahkamah bagi kes rasuah.	1	2	3	4	5
6.	Amalan rasuah tidak memberikan apa-apa kesan terhadap diri saya, keluarga dan masyarakat.	1	2	3	4	5
7.	Saya sedar bahawa rasuah adalah salah di sisi agama dan undang-undang negara.	1	2	3	4	5
8.	Saya sangsi dengan kewibawaan SPRM.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN C – KEMPEN MEMBANTERAS RASUAH

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>			<i>Sangat Setuju</i>	
1.	Media massa telah membantu saya memahami tentang rasuah.	1	2	3	4	5
2.	Kempen kerajaan mengenai rasuah membuatkan saya menjadi benci terhadap rasuah.	1	2	3	4	5
3.	Kempen membanteras rasuah oleh kerajaan memberi kesan yang positif kepada diri saya.	1	2	3	4	5
4.	Media massa telah memainkan peranan penting dalam membantu saya memahami tentang jenayah rasuah.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN D –UNDANG-UNDANG RASUAH DAN PENGUATKUASAANNYA

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>				<i>Sangat Setuju</i>
1.	Hukuman berat ke atas perasuah menjadi pengajaran kepada saya untuk menghindari rasuah.	1	2	3	4	5
2.	Jika ada kes rasuah, saya pasti melaporkannya bagi mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang bersubahat.	1	2	3	4	5
3.	Penguatkuasaan undang-undang rasuah oleh SPRM membuatkan saya tidak berani untuk terlibat dengannya.	1	2	3	4	5
4.	Jika saya berjawatan tinggi dalam TDM, saya yakin tidak akan dikenakan tindakan undang-undang rasuah.	1	2	3	4	5
5.	Tindakan penguatkuasaan undang-undang rasuah sering dilakukan oleh SPRM.	1	2	3	4	5
6.	Undang-undang rasuah sedia ada adalah jelas dan berkesan.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN E – PENGETAHUAN TENTANG RASUAH

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>				<i>Sangat Setuju</i>
1.	Menerima wang rasuah daripada seseorang supaya menyalahguna kuasa dengan tujuan untuk menolong orang itu adalah salah.	1	2	3	4	5
2.	Menerima hadiah, komisen atau barang berharga untuk sesuatu perkhidmatan yang diberikan adalah salah.	1	2	3	4	5
3.	Menerima hadiah atau barang berharga dari seorang kawan yang tiada hubungan rasmi dengan jabatan anda adalah salah.	1	2	3	4	5
4.	Tidak melaporkan kepada SPRM mengenai rasuah adalah salah.	1	2	3	4	5
5.	Berpakat dengan pemberi rasuah menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang merupakan satu kesalahan.	1	2	3	4	5
6.	Tidak melaporkan mengenai perbuatan rasuah merupakan satu kesalahan.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN F – SIKAP TERHADAP RASUAH

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>				<i>Sangat Setuju</i>
1.	Saya bersedia memberi maklumat mengenai perbuatan rasuah oleh rakan atau orang lain kepada SPRM.	1	2	3	4	5
2.	Saya tidak keberatan menasihati rakan atau orang lain supaya tidak melakukan rasuah.	1	2	3	4	5
3.	Jika rakan mengetahui mengenai rasuah, saya bersedia menasihatnya untuk membuat laporan.	1	2	3	4	5
4.	Saya bersedia melaporkan perbuatan rasuah yang dilakukan oleh pihak atasan kepada SPRM.	1	2	3	4	5
5.	Saya bersedia untuk menjadi saksi dalam kes rasuah di mahkamah.	1	2	3	4	5
6.	Saya tidak akan menerima rasuah meskipun kerana terpaksa demi menjaga perasaan orang lain.	1	2	3	4	5
7.	Saya tidak akan menerima rasuah meskipun untuk menampung kekurangan perbelanjaan bulanan.	1	2	3	4	5
8.	Saya tidak akan sekali-kali sanggup untuk menerima rasuah.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN G – NILAI AGAMA DAN MORAL

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>				<i>Sangat Setuju</i>
1.	Rasuah adalah perbuatan keji dan berdosa.	1	2	3	4	5
2.	Amalan agama membantu saya menjauhi amalan rasuah.	1	2	3	4	5
3.	Saya melaksanakan semua amalan agama yang diwajibkan ke atas saya.	1	2	3	4	5
4.	Saya suka menderma dan membantu orang yang dalam kesusahan.	1	2	3	4	5
5.	Tuhan akan menghukum orang yang mengamalkan rasuah.	1	2	3	4	5
6.	Agama membentuk saya untuk melakukan perbuatan baik dan meninggalkan perbuatan yang salah.	1	2	3	4	5

7.	Mendengar ceramah agama atau ceramah berkaitan moral menjadi keutamaan saya.	1	2	3	4	5
8.	Saya sering membaca buku-buku berkaitan agama atau moral.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN H – PENGARUH PERSONAL DAN SOSIAL

ARAHAN: Sila bulatkan nombor yang sepadan dengan tahap persetujuan anda.

		<i>Sangat tidak setuju</i>				<i>Sangat Setuju</i>
1.	Saya akan terpengaruh dengan rasuah jika organisasi saya tidak memberikan perhatian terhadap perbuatan rasuah.	1	2	3	4	5
2.	Saya mungkin terpaksa menerima rasuah jika rakan-rakan lain juga berbuat demikian.	1	2	3	4	5
3.	Saya mungkin menerima rasuah jika amalan rasuah telah menjadi perkara biasa dalam organisasi saya.	1	2	3	4	5
4.	Pasangan saya bersetuju jika saya tidak mengamalkan rasuah.	1	2	3	4	5
5.	Pasangan saya berpendapat bahawa saya patut menjauhi rasuah.	1	2	3	4	5
6.	Pasangan saya menyokong saya untuk bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
7.	Pasangan saya menasihati saya supaya bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
8.	Ibu bapa saya bersetuju jika saya tidak mengamalkan rasuah.	1	2	3	4	5
9.	Ibu bapa saya berpendapat bahawa saya patut menjauhi rasuah.	1	2	3	4	5
10.	Ibu bapa saya menyokong saya untuk bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
11.	Ibu bapa saya menasihati saya supaya bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
12.	Rakan-rakan saya bersetuju jika saya tidak mengamalkan rasuah.	1	2	3	4	5
13.	Rakan-rakan saya berpendapat bahawa saya patut menjauhi rasuah.	1	2	3	4	5
14.	Rakan-rakan saya menyokong saya untuk bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
15.	Rakan-rakan saya menasihati saya supaya bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5

16.	Ketua saya bersetuju jika saya tidak mengamalkan rasuah.	1	2	3	4	5
17.	Ketua saya berpendapat bahawa saya patut menjauhi rasuah.	1	2	3	4	5
18.	Ketua saya menyokong saya untuk bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5
19.	Ketua saya menasihati saya supaya bekerja dengan jujur dan amanah.	1	2	3	4	5

SOALAN TAMAT
Terima Kasih